



L A P O R A N T A H U N A N
2021





PENYATA MISI

Lembaga
Perkhidmatan
Kewangan Labuan
akan memastikan
bahawa Pusat
Perniagaan dan
Kewangan
Antarabangsa
Labuan
berkedudukan
**kukuh, stabil dan
dinamik** bagi Asia,
dengan
**melaksanakan nilai
prinsip dan teras
yang tinggi.**

NILAI-NILAI KORPORAT

- **Integriti,
Komitmen dan
Profesionalisme**
- **Komunikasi
Terbuka dan
Tulus**
- **Kerjasama
Berpasukan**
- **Berorientasikan
Perniagaan dan
Pemegang
Kepentingan**
- **Pembelajaran
Berterusan**

ISI KANDUNGAN

halaman **01**

PENYATA MISI DAN NILAI-NILAI KORPORAT

halaman **04-07**

PERUTUSAN PENGURUSI

pages **08-13**

LAPORAN KETUA PENGARAH

halaman **14-29**

MAKLUMAT KORPORAT


- Objektif dan Fungsi Labuan FSA
- Struktur Organisasi
- Subsidiari
- Ahli-ahli Lembaga Labuan FSA
- Pengurusan Kanan Labuan FSA
- Kumpulan Penasihat Labuan FSA
- Keahlian Antarabangsa



halaman **30-47**

TADBIR URUS KORPORAT

- Rangka Kerja Tadbir Urus
- Struktur Tadbir Urus
- Audit Dalaman
- Audit Luaran
- Pengurusan Risiko Perusahaan
- Integriti





halaman **48–79**

PRESTASI INDUSTRI LABUAN IBFC

- Syarikat Labuan
- Perbankan Labuan
- Insurans Labuan
- Syarikat Amanah Labuan
- Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan
- Pemajakan Labuan
- Pengurusan Kekayaan Labuan
- Pasaran Digital Labuan
- Pasaran Modal Labuan
- Bursa Pertukaran Kewangan

halaman **80–81**

ARTIKEL BERKOTAK

- Penilaian Risiko AML/CFT Labuan IBFC: Mengurus & menangani ketaktentuan yang timbul

halaman **82–87**

PEMBANGUNAN DASAR

- Pembangunan Dasar Prudential
- Pembangunan Dasar Perniagaan dan Cukai
- Mesyuarat Badan Perundingan
- Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)

halaman **88–91**

AKTIVITI PENYELIAAN

- Pengawasan dan Penguatkuasaan
- Penyiasatan
- Tindakan Penguatkuasaan



halaman **92–140**

PENYATA KEWANGAN

- Penyataan Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
- Pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
- Penyata Pendapatan Komprehensif
- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Perubahan Rizab
- Penyata Aliran Tunai
- Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan



T (+603) 8873 2000

F (+603) 8873 2209

E communication@labuanfsa.gov.my



www.labuanfsa.gov.my

“”

Tahun 2021 menandakan juga satu pencapaian cemerlang untuk Labuan FSA apabila ia menyambut ulang tahun ke 25 penubuhannya sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan dan penyeliaan tunggal Labuan IBFC.

DATUK SITI ZAINAB OMAR
Pengerusi

Perutusan Pengeru



Tahun 2021 mengalu-alukan fasa pemulihan global yang membawa bersama sikap optimis yang lebih tinggi dalam persekitaran kewangan antarabangsa.

Ini berbeza dengan dua tahun yang terdahulu yang telah ditentukan oleh beberapa siri kejutan dan gangguan luaran akibat ketaktentuan dalam perdagangan global, COVID-19, tekanan rantai pembekalan, harga minyak yang tak stabil dan pergolakan geopolitik. Kemajuan dalam pemvaksin, pemajuan pantas dalam pendigitalan dan peningkatan momentum dalam perdagangan global menandakan perkembangan positif untuk kembali kepada kadar pertumbuhan sebelum pandemik dan membawa prospek yang lebih baik bagi tahun tersebut.

Berlatar belakangkan kemajuan ini, rantau Asia Pasifik terus menjadi salah satu pemacu utama untuk pertumbuhan global. Pembukaan semula secara beransur-ansur sempadan, pelaksanaan vaksin pantas dan penghayatan pendigitalan menandakan kembalinya trend sebelum pandemik dalam jangka pendek dan keberangkalian pemulihan yang lebih mampan untuk tempoh lebih panjang. Daya tahan Malaysia dalam menghadapi kesan COVID-19 di samping cabaran pertumbuhan global yang lebih perlahan meletakkan negara dan Labuan IBFC di atas asas yang lebih sihat untuk memanfaatkan sentimen positif dan pemulihan perniagaan serantau.

Tahun 2021 menandakan juga satu pencapaian cemerlang untuk Labuan FSA apabila ia menyambut ulang tahun ke 25 penubuhannya sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan dan

penyeliaan tunggal Labuan IBFC. Sepanjang perjalanan 25 tahun, Labuan FSA memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pertumbuhan Labuan IBFC dan kekal dengan komitmen tinggi ke arah mengekalkan reputasi Labuan IBFC sebagai pusat kewangan yang dikawal selia dengan baik dan bereputasi tinggi seperti yang kita kenal hari ini. Dalam kerja sama dengan Bank Negara Malaysia, Duit Syiling Peringatan Ulang Tahun ke 25 yang direka bentuk khas dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia. Duit syiling ini menjadi lambang penghormatan kepada dedikasi dan keazaman semua orang yang telah berkhidmat di Labuan FSA di samping komitmen Kerajaan kepada pembangunan pulau ini.

Pada detik masa yang spesifik ini, dan di tengah-tengah cabaran dan kejutan luaran yang berlaku di sekeliling kita, kita bersyukur Labuan IBFC kekal berdaya tahan dan tangkas terutama sekali dengan menghayati revolusi teknologi kewangan dan transformasi saluran digital, di mana perniagaan digerakkan melangkaui kebiasaan operasi (modus operandi) konvensional. Inovasi dan kemajuan kewangan baharu yang kerap sangatlah diperlukan untuk memperluas alternatif produk kewangan semasa, mempromosi keterangkuman kewangan yang lebih tinggi, dan capaian pasaran tanpa sempadan.

isi

Pengiktirafan dan pertumbuhan yang mengagumkan yang dicapai oleh Labuan IBFC dalam tiga dekad lalu menjadi bukti kepada ketekunan dan usaha pihak berkepentingan yang tak mengenal penat lelah termasuk Kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan, Pejabat Peguam Negara, pemain industri, komuniti Labuan termasuk kakitangan Labuan FSA. Labuan FSA menyedari bahawa akan selalu terdapat cabaran untuk didepani dan ditangani, termasuk perubahan dalam pengawalseliaan antarabangsa dan pematuhan standard di samping perubahan landskap perniagaan dan kewangan. Labuan IBFC perlu secara berterusan berubah selaras dengan pembangunan ini, sambil mengekalkan reputasinya sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa yang dikawal selia dengan baik dan menawarkan penyelesaian perantaraan yang berdaya maju dalam persekitaran mesra perniagaan. Sehubungan ini, Labuan FSA telah mula membangunkan Pelan Hala Tuju Strategik untuk pertumbuhan dan pembangunan Labuan IBFC bagi tahun 2022 hingga 2026, di mana tumpuannya akan termasuk membuka cadangan nilai tambah yang tersedia menerusi Labuan IBFC dan meletakkan secara berkesan organisasinya sebagai destinasi yang menarik untuk perniagaan dan kewangan antarabangsa. Bakal dibangunkan secara usaha sama dengan pihak berkepentingan, Pelan Hala Tuju Strategik 5 tahun ini bermatlamat untuk meletakkan Labuan IBFC di hadapan bidang nic utama dan mengenal pasti bidang baharu yang melengkapi cadangan nilai bidang kuasa, termasuk teknologi kewangan dan perkhidmatan kewangan digital.

Antara komponen teras di bawah semakan strategik tersebut ialah sumbangan Labuan IBFC kepada ekonomi Labuan secara am. Bagi tahun 2021, Labuan IBFC terus menjadi enjin pertumbuhan untuk pembangunan pulau Labuan dan antara penyumbang ekonomi utama kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Labuan dengan hasil cukai keseluruhan dianggarkan sebanyak RM837 juta, sebagai tambahan kepada limpahan positif yang dijana oleh usaha IBFC termasuk aktiviti berkaitan peruncitan dan pelaburan. Semakan strategik tersebut bermatlamat untuk meningkatkan sumbangan Labuan IBFC kepada ekonomi tempatan dan pertumbuhannya dengan memangkin lebih banyak pelaburan ke dalam pulau ini untuk pembangunan infrastruktur yang kritikal bagi memudahkan aliran yang lebih tinggi aktiviti komersial, penambahbaikan dalam kualiti kehidupan dan kelestarian alam sekitar.

Labuan FSA sedar bahawa sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan dan penyeliaan yang mengawasi entiti korporat dan institusi kewangan antarabangsa, ia mempunyai tanggungjawab pengawasan ke atas tadbir urus pemain industri Labuan IBFC, dan bagi tujuan ini, penting bagi rangka kerja dan amalan tadbir urusnya bersifat sempurna dan memiliki standard antarabangsa. Labuan FSA melaksanakan pelbagai langkah pada tahun-tahun yang berlalu bagi memperkukuh lagi tadbir urusnya dan pada masa yang sama menjadi rangka kerja contoh kepada industri yang diselia olehnya. Jawatankuasa Pencalonan dan Saraan ditubuhkan pada Ogos 2021 antara lain untuk menyokong keberkesanan ahli Lembaga Labuan FSA, serta mandat untuk mengesyorkan melalui Lembaga kepada Menteri Kewangan bagi pelantikan atau pelantikan semula mana-mana Ahli Lembaga. Tadbir urus Labuan FSA yang berkesan merangkumi bidang utama termasuk pendekatan perundingan dan pemikiran terbuka, pencegahan rasuah, pengurusan risiko dan pematuhan prosedur operasi, dan berdasarkan ketangkasan dan kebolehan untuk menyesuaikan diri dengan pembangunan dan cabaran yang berubah dalam konteks global. Tambahan lagi, Labuan FSA mencari secara berterusan untuk mengekalkan standard tinggi tadbir urus dan sebahagian daripada usaha yang telah diambil pada 2021 ialah penilaian dan semakan bebas tadbir urus dalamannya yang akan meletakkan asas untuk pertumbuhan mampan organisasi ini dalam bergerak ke hadapan. Semakan tersebut akan disempurnakan menjelang 2022.

Pelaksanaan rangka kerja cukai Labuan IBFC baharu akan membawa pelbagai pelarasan kepada imej perniagaan Labuan IBFC dan usaha untuk menangani cabaran cukai dijangka akan meningkat. Transformasi dan perubahan dasar yang dimulakan dan ditetapkan adalah kritikal, terutama sekali dalam mempromosi penjajaran semula pemantauan dan pematuhan standard antarabangsa OECD, sambil memastikan kemampunan dan ketahanan dalam pertumbuhan perniagaan Labuan IBFC. Labuan FSA akan terus berwaspada dan memastikan bahawa langkah berjaga-jaga yang praktikal dilakukan untuk mengurangkan apa-apa ancaman pengubahan wang haram atau pembiayaan keganasan yang timbul dalam Labuan IBFC.

Selaku sebuah badan pengawal selia, Labuan FSA akan terus memudahkan inovasi kewangan dan menarik lebih banyak syarikat teknologi kewangan ke Labuan IBFC. Menerusi inisiatif berterusan dan pelan untuk menawarkan set penuh produk dan struktur yang



mematuhi prinsip syariah untuk memenuhi permintaan dan keutamaan pelabur global, Labuan FSA akhirnya akan menerajui Labuan IBFC untuk menjadi hab kewangan utama dan terpilih (termasuk digital) Asia dengan nic dalam kewangan Islam. Ini akan menjadikan Pusat ini sebagai pangkalan yang sesuai untuk perintis perniagaan global yang mencari pertumbuhan inovatif dan instrumen kewangan alternatif di Asia.

Sukacita saya maklumkan bahawa pada tahun ini, Labuan FSA melihat peningkatan sebanyak lebih daripada 10 kali ganda daripada 80 entiti menjadi lebih daripada 880 pemain kewangan antarabangsa dan serantau di IBFC sejak Labuan FSA ditubuhkan pada 1996, dengan Asia Pasifik dan Timur Jauh mewakili 70% daripada perniagaan di Labuan IBFC. Ini semestinya satu kejayaan cemerlang yang boleh dibanggakan untuk Labuan FSA.

Antara banyak risiko yang muncul dalam tempoh ketaktentuan ini adalah peluang yang meningkat untuk aktiviti haram yang merangkumi penipuan, jenayah siber, menyembunyikan keuntungan yang salah di sisi undang-undang, pemalsuan termasuk penipuan (scam). Dalam menyelia aktiviti tersebut di Labuan IBFC, Labuan FSA telah diuji dalam bentuk kebolehan untuk melaksanakan secara berkesan fungsi penyeliaan dan pengawalseliaannya, sambil memastikan respons yang tepat pada masanya yang akan memastikan standard tinggi pematuhan pengawalseliaan entiti kewangan tidak dikompromi. Sukacita saya sampaikan bahawa kebolehan penyeliaan Labuan FSA ataupun tahap pematuhan entiti kewangan tidak terjejas secara signifikan dalam tahun ini.

Bidang kuasa ini telah digelar sebagai “bidang kuasa antarabangsa terbaik untuk kaptif” oleh Anugerah Semakan Kaptif Eropah (European Captive Review Awards) pada November 2021 buat kali pertama. Ini merupakan bukti yang menakjubkan bahawa Labuan IBFC telah berjaya untuk memainkan peranan utama dalam memacu ke arah pusat yang lebih mampan dan menjadi lebih berpandangan keluar yang memudahkan perniagaan antarabangsa.

Kami yakin bahawa perkembangan trend pasaran Asia Pasifik akan terus kekal dalam membuka jalan untuk Pusat ini menggiatkan semula perniagaan dan ekosistem Labuan IBFC, di samping merangsang sektor pasaran yang dikenal pasti untuk memaksimumkan potensi

pertumbuhan mereka. Inisiatif hala tuju strategik yang dilaksanakan untuk pemetaan perniagaan akan tertumpu kepada beberapa bidang seperti Peluasan Perniagaan Kewangan Digital untuk IBFC yang mesra Teknologi Kewangan, mengukuhkan LIBFC sebagai badan dana bersama serantau, mencergas semula pasaran insurans, menjadi “Hab Insurans Semula Asia”, mempertingkat penyedia perkhidmatan utama dengan menggabungkan syarikat amanah dengan nama jenama antarabangsa, pemetaan perniagaan dan pemantauan pembayaran dan transaksi cukai oleh entiti Labuan.

Bagi pihak ahli Lembaga, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan penghargaan kami kepada kumpulan penasihat Labuan FSA, jabatan kerajaan, termasuk pemain industri atas sokongan dan pengorbanan berterusan dan yang sangat berharga, terutama sekali dalam tempoh yang mencabar ini, sambil Labuan IBFC terus mara ke hadapan dan bergerak maju menjadi hab perniagaan dan pelaburan Asia yang terpilih.

Penghargaan saya juga ditujukan kepada mantan ahli Lembaga, Tan Sri Datuk Dr Mohd Daud Bakar, Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid, Dato' Raja Segaran S Krishnan, Puan Goh Ka Im dan Puan Adawiyah Ahdan atas nasihat dan bimbingan mereka yang sangat berharga semasa mereka bersama Lembaga. Saya juga ingin mengucapkan selamat datang kepada Datuk Abu Tariq Jamaluddin, Datuk Nor Azimah Abdul Aziz, Encik Aznan Abdul Aziz, Dr. Aida Othman dan Puan Nor Hazlina Ab Aziz selaku ahli Lembaga baharu. Mereka membawa bersama pengalaman yang sangat berharga dari sektor awam dan swasta dan saya amat menantikan peluang untuk bekerja bersama-sama mereka dengan Ahli Lembaga lain.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan Labuan FSA atas dedikasi dan sumbangan tak berbelah bahagi mereka kepada Labuan FSA yang semestinya akan menjulang organisasi ini ke tahap yang lebih tinggi. Tahun yang mendatang dijangkakan kekal mencabar dan sukar diduga, dan kita berharap, dengan komitmen, dedikasi dan daya tahan yang lebih tinggi, kita akan berupaya mengharungi pandemik ini dengan nada dan keputusan yang lebih positif.

Datuk Siti Zainab Omar
Pengerusi

Laporan Ketua Pengarah

Tahun 2021 membawa kesignifikanan yang istimewa bagi Labuan FSA sempena sambutan ulang tahun jubli peraknya selaku lembaga penyeliaan dan pengawalseliaan sehenti Labuan IBFC. Dalam perjalanan 25 tahunnya, diperkuatkan oleh sokongan kukuhnya untuk ketelusan yang lebih baik dan menerima pakai pematuhan antarabangsa, Labuan FSA gigih mengharungi pelbagai cabaran, dan kekal teguh dalam meneruskan usaha ke arah menjadikan Labuan IBFC sebuah pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa yang dikawal selia dengan baik dan telus dalam komuniti pengawalseliaan antarabangsa.



NIK MOHAMED DIN NIK MUSA
Ketua Pengarah

“Walaupun terkesan pada fasa pasca pandemik COVID-19, tahun 2021 berakhir dengan nada yang lebih optimis, dengan pembukaan semula secara beransur-ansur ekonomi dalam laluan pemulihannya dan peralihan kepada persekitaran perniagaan yang baharu.”

GAMBARAN KESELURUHAN

Walaupun terkesan pada fasa pasca pandemik COVID-19, tahun 2021 berakhir dengan nada yang lebih optimis, dengan pembukaan semula secara beransur-ansur ekonomi dalam laluan pemulihannya dan peralihan kepada persekitaran perniagaan yang baharu. Bagi Labuan IBFC, keadaan pasca pandemik terbukti merupakan persekitaran yang mencabar untuk industri kewangan dan perniagaan. Berdepan dengan implikasi limpahan daripada keadaan global sedia ada, Labuan IBFC mengekalkan daya tahan dan ketangkasnya pada 2021 dengan perniagaan menunjukkan kemampanan dan daya tahan yang lebih tinggi. Ini secara amnya disebabkan oleh inisiatif pembangunan perniagaan strategik yang tertumpu kepada pertumbuhan sektor dan segmen perniagaan nic. Faktor kejayaan utama kepada pertumbuhan Labuan IBFC yang mampan ialah pusat kewangan yang dikawal selia dengan baik dengan persekitaran perniagaan yang mempermudah yang meyakinkan pelabur untuk terus menggunakan Labuan IBFC.

Labuan FSA mengakui bahawa untuk meletakkan secara efektif kedudukan Labuan sebagai destinasi menarik untuk perniagaan dan kewangan antarabangsa, ia perlu berubah secara berterusan dengan pembangunan ekonomi dan kewangan di arena domestik dan antarabangsa. Bagi tujuan ini, Labuan FSA telah menyemak rangka kerja undang-undang dan percukaian bagi perniagaan yang dijalankan di pusat tersebut dalam memastikan perniagaan dan pembangunan Labuan IBFC dan ekonomi pulau tersebut berdaya maju dan mampan. Ini telah diterjemahkan kepada usaha memperluas dan mendalami pasaran perniagaan Labuan IBFC dalam mencipta nilai yang lebih tinggi untuk pelabur dan mengembangkan lagi sumbangan ekonomi pusat tersebut kepada negara dan Pulau Labuan.

Sebagai pihak berkuasa pengawalseliaan, Labuan FSA juga kekal komited untuk menyokong inisiatif antarabangsa bagi mempromosi kestabilan kewangan dan mencapai kemajuan yang membanggakan ke arah memperkukuh pematuan AML/CFT Labuan IBFC, dan meningkatkan tahap kewaspadaan bagi memastikan sistem kewangan memenuhi standard global. Demi mengekalkan kestabilan dan daya maju perniagaan Pusat ini, Lembaga menjadi lebih peka sepanjang tahun untuk mengetahui potensi kesan sistemik pandemik. Objektif utama dasar Labuan FSA adalah untuk mengenal pasti dan menangani kerentanan jangka pendek sehingga sederhana melalui ujian stres seluruh sektor. Simulasi tersebut telah membantu mengenal pasti bidang yang memerlukan perubahan kawal selia bagi memastikan asas kewangan pasaran kekal kukuh walaupun terdapat apa-apa gangguan perniagaan.

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk menyokong pemain industri dalam mengatasi cabaran ekonomi semasa pandemik, Labuan FSA terus menyediakan Pemulihan Pengawalseliaan Sementara (Temporary Regulatory Reliefs atau TRRs) yang merangkumi pelanggaran ke atas tadbir urus pentadbiran, gelagat pasaran termasuk keperluan teknikal bagi memastikan kesesuaiannya dari segi persekitaran pasaran semasa. Langkah-langkah ini berjaya mengurangkan secara signifikan beban pengawalseliaan yang diletakkan pada institusi kewangan Labuan dan memastikan klien mereka terus mendapat perkhidmatan tanpa gangguan.

Walaupun berlaku sekatan aktiviti pada 2021, Labuan FSA berjaya menyesuaikan operasi dengan sewajarnya dan berupaya untuk melaksanakan mandat pengawalseliaan, penyeliaan dan pemudahan pasarannya tanpa gangguan besar. Pendekatan penyeliaan untuk 2021 tertumpu kepada pengawasan berterusan ke atas institusi-institusi kewangan Labuan (Labuan financial institutions atau LFIs) dengan pemantauan ditingkatkan ke atas institusi yang dikenal pasti sebagai berisiko lebih tinggi, demi memastikan LFIs tersebut selamat dan kukuh dengan amalan gelagat pasaran yang mematuhi keperluan kawal selia, termasuk Pencegahan Pengubahan Wang Haram/ Pencegahan Pembiayaan Keganasan. Pelaksanaan Rangka Kerja Penyeliaan Berasaskan Risiko (Risk Based Supervisory Framework atau RBSF) diteruskan dengan tumpuan kepada LFIs dan sektor berisiko lebih tinggi yang dikenal pasti menerusi penilaian penyeliaan individu dan penilaian risiko negara mengenai AML/CFT. Di sepanjang tahun, LFIs dan sektor yang menjadi tumpuan telah dipantau secara aktif, dengan pelaporan yang kerap mengenai status dan tindakan yang diambilnya.



PEMBANGUNAN PASARAN

Labuan kekal sebagai pusat kewangan dan ekonomi antarabangsa yang signifikan di Asia, dengan menarik perhatian syarikat dan pelabur dari 125 negara di seluruh dunia. Bagi tahun yang dikaji, terdapat beberapa penyederhanaan dalam prestasi di seluruh sektor utama:

- Suasana pasaran yang lebih mencabar dan penstrukturan semula dan rasionalisasi perniagaan yang diteruskan dalam tahun ini bagi menyesuaikan diri dengan peralihan kepada dasar cukai baharu telah menghasilkan penubuhan syarikat baharu kepada 455 buah. Digabungkan dengan pembatalan pendaftaran yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 1,194 syarikat, mengakibatkan jumlah syarikat aktif berkurangan kepada 5,151. Walau apa pun cabaran, kemasukan “Entiti Perdagangan Labuan yang lain” ke dalam Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Keperluan untuk Aktiviti Perniagaan Labuan), dijangka dapat memberikan kepastian yang lebih tinggi kepada industri dan pelabur berpotensi untuk terus menggunakan Labuan IBFC.
- Dalam tahun yang dikaji itu, keberuntungan industri perbankan kurang terkesan oleh peruntukan tersebut memandangkan ini telah dimasukkan dalam penyata kewangan institusi perbankan tahun-tahun sebelumnya. Hasilnya, keberuntungan industri perbankan mencapai pertumbuhan sebanyak 127.8%. Jumlah aset kekal kukuh dengan pertumbuhan 13% menjadi USD55.8 bilion yang merupakan pertumbuhan yang tertinggi bagi tempoh lima tahun yang lalu disebabkan penempatan antara bank yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, bank Labuan terus berdaya tahan dan teguh dari segi kewangan dengan kecairan yang tinggi.
- Sektor insurans kekal menarik dengan 21 lesen baharu diluluskan, terdiri daripada empat pengeluar insurans (semula) am, 13 kaptif dan empat broker, yang meningkatkan kepelbagaian multinasional pasaran insurans Labuan. Pertumbuhan pasaran yang positif ini menyediakan keupayaan tambahan kepada Pusat untuk memenuhi keperluan insurans (semula) Labuan yang meningkat dan juga Rantau ini. Pada 2021, jumlah premium kasar yang ditaja jamin meningkat sebanyak 4.5% menjadi USD1.7 bilion. Kaptif Labuan juga meneruskan momentum pertumbuhannya. Labuan IBFC menjadi hos kepada 63 kaptif, dengan menaja jamin jumlah premium melebihi setengah bilion (USD568.9 juta) yang menyumbangkan 33.5% daripada premium industri insurans. Lebih daripada 65% premium dijanakan daripada perniagaan insurans antarabangsa.

Pada 2021, Labuan IBFC dianugerahkan Domisil Kaptif Antarabangsa Terbaik di majlis Anugerah Penilaian Kaptif Eropah (European Captive Review Awards). Labuan IBFC turut memenangi anugerah Domisil Asia terbaik di majlis Anugerah Penilaian Kaptif APAC 2021 (APAC Captive Review Awards 2021) bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Pencapaian ini membuktikan keunggulan kaptif Labuan berkembang melangkaui Asia ke pasaran Eropah.

- Pertumbuhan sektor pajakan Labuan kekal perlahan yang terkesan oleh sekatan berterusan dalam pergerakan perjalanan walaupun pada intensiti yang berkurangan memandangkan pasaran menjadi lebih liberal dan kesan pandemik semakin berkurangan. Jumlah aset dipajak untuk industri menurun sebanyak 2.1% daripada USD40.7 bilion kepada USD39.8 bilion dan sektor berkaitan petroleum menyumbang 57.7% daripada jumlah aset dipajak manakala bakinya terdiri daripada sektor penerbangan dan sektor lain. Apabila sempadan global mula dibuka, sekatan pergerakan dan perjalanan telah ditamatkan dengan perjalanan dan pelancongan kembali semula pada lewat 2021, optimisme ini dijangka akan merangsang pertumbuhan sektor penerbangan Labuan. Tambahan lagi, momentum perniagaan yang kukuh dalam prestasi harga minyak mentah global dan pengurangan kesan pandemik akan terus melonjakkan aktiviti pajakan berkaitan petroleum dan trend ini akan berterusan ke tahun berikutnya.
- Perniagaan perdagangan komoditi antarabangsa Labuan memulakan aktiviti tahun ini dengan nada yang lebih positif. Selaras dengan kebangkitan semula pasaran minyak dan gas global, sektor perdagangan komoditi telah pulih dan mendapat semula asasnyanya. Memanfaatkan perkembangan positif tersebut, keberuntungan industri syarikat perdagangan komoditi antarabangsa Labuan meningkat secara signifikan sebanyak 315% menjadi USD3.5 bilion untuk tahun 2021.
- Ruang digital Labuan terus mencatat pertumbuhan yang signifikan sebanyak 38.5% dengan kelulusan diberikan kepada 31 penyedia perkhidmatan kewangan digital (DFS) baharu, menjadikan jumlah DFS sebanyak 90. Majoriti penyedia DFS diberikan lesen untuk mengendalikan platform aset digital, pengeluaran token dan sistem e-pembayaran. Dengan peningkatan transaksi digital dan maya, Labuan IBFC turut mempunyai dua pertukaran digital untuk melengkapkan platform pertukaran tradisional, untuk penyenaraian dan perdagangan aset digital di pasaran serantau dan global.

PEMBANGUNAN PENGAWALSELIAAN & AKTIVITI PENYELIAAN

Inisiatif kawal selia utama untuk 2021 terus tertumpu kepada usaha memperketat kriteria teknikal untuk keberpadaan modal insurans di samping memperkukuh kesinambungan operasi dan daya tahan siber institusi Institusi kewangan Labuan (Labuan Financial Institutions atau LFIs). Inisiatif ini amat penting ekoran perubahan norma pasaran di mana perniagaan ini sekarang beroperasi hasil daripada pandemik. Labuan FSA meneruskan usaha menjalankan peningkatan pengawalseliaan prudential sebagai kaedah untuk memastikan keselamatan dan keteguhan pasaran yang merangkumi:

- i. Ujian pasaran peraturan modal berasaskan risiko insurans yang dicadangkan untuk menilai dan memuktamadkan Rangka Kerja Keberpadaan Modal Insurans (Insurance Capital Adequacy Framework atau ICAF) untuk pengeluar insurans Labuan. Latihan ini bertujuan, antara lain, menjajarkan keperluan ICAF dengan standard dan amalan modal antarabangsa untuk memastikan bahawa penajajaran ini sesuai untuk pasaran insurans Labuan.
- ii. Memperkukuh tadbir urus pasaran dan amalan pengurusan risiko, tertumpu secara spesifik kepada daya tahan operasi dan pengurangan risiko siber dalam industri. Bidang fokus utama termasuk mempromosi tadbir urus baik dan amalan pengurusan risiko melalui pengeluaran Prinsip Panduan mengenai Pengurusan Kesinambungan Perniagaan dan Garis Panduan mengenai Rangka Kerja Tadbir Urus Digital.

Pendekatan penyeliaan dan penguatkuasaan terus dijar semula dan disesuaikan dengan keadaan semasa termasuk COVID-19 yang melibatkan kebolehan untuk menjalankan ujian di tapak. Untuk mencapai jangkaan, inisiatif yang berikut diambil untuk menambah baik mekanisme pengawasan pasaran, dan tindakan awal turut diambil untuk menghalang dan mencegah potensi kerentanan dalam sistem tersebut:

- i. Pengawasan luar tapak dipertingkat, dengan memfokus pada semakan data dan maklumat yang dikemukakan kepada Labuan FSA dan libat urus maya dengan ahli lembaga dan pengurusan kanan dalam LFIs yang dikenal pasti;
- ii. Penilaian ke atas bidang yang terkesan teruk oleh pandemik, termasuk daya tahan operasi, pendedahan kredit, dan kecairan, sambil mengekalkan komunikasi rapat dengan LFIs yang dikenal pasti;
- iii. Menjalankan ujian stres ke atas bank dan syarikat insurans (semula) untuk mentaksir daya tahan kewangan berdasarkan impak makroekonomi di bawah dua senario buruk terhadap pendapatan dan modal entiti individu;
- iv. Kaji selidik dijalankan ke atas Entiti Tanpa Lesen (Non-Licensed Entities atau NLE) untuk mengemas kini profil dan menilai kerentanan entiti-entiti itu; dan
- v. Memperkukuh kerjasama dengan penyelia dalaman melalui perkongsian maklumat dan kolej penyeliaan.

Inisiatif hos dalaman yang telah dimulakan dalam tahun-tahun sebelumnya, telah dikukuhkan lagi dalam tahun ini. Keputusan penilaian penyeliaan ke atas entiti yang berasal dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Singapura, Jepun, China dan Taiwan dikongsi bersama penyelia dalam negara yang berkenaan. Sebagai tambahan, penyelia kami menyertai tiga kolej penyeliaan yang diadakan secara maya oleh penyelia dalaman, khususnya, Bank Pusat U.A.E, Suruhanjaya Penyeliaan Kewangan Taiwan dan Lembaga Pengawalseliaan Prudential UK. Platform ini telah memberi manfaat dalam mendapatkan pengemaskinian, mengenal pasti risiko membangun, mentaksir kemungkinan respons terhadap bahaya yang dikenal pasti, dan menyelaraskan tindakan untuk mengurangkan risiko dalam Labuan IBFC.



BERGERAK KE HADAPAN

Dengan bermulanya tahun 2022, amat penting bagi Labuan IBFC membangun atas momentum pencapaian terdahulu untuk meningkatkan lagi kebolehan, capaian pasaran, dan kepentingan Pusat ke tahap yang berikutnya. Dalam konteks ini, perundingan bersama pemain industri dan pihak berkepentingan utama telah diadakan dalam merangka Pelan Hala Tuju Strategik Labuan IBFC 2022-2026 – pelan tindakan untuk trajektori pertumbuhan Pusat bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Di bawah Pelan Hala Tuju Strategik tersebut, tumpuan akan diberikan kepada bidang utama yang termasuk:

- (i) Teras 1: **Merangsang inovasi dan kepesatan** pasaran dengan mencergaskan nic dan prospektif sektor perniagaan melalui penyelesaian digital termasuk perniagaan yang mematuhi prinsip syariah;
- (ii) Teras 2: **Mempromosi kemudahan dan ketampakan** pasaran menerusi peningkatan ekosistem pasaran, promosi sinergi pasaran intra-Labuan dan memperteguh hubungan strategik dengan pihak berkepentingan utama bagi mengukuhkan ketampakan Labuan IBFC;
- (iii) Teras 3: **Mengukuhkan peranan pelengkap Labuan IBFC kepada Malaysia;** dengan menyediakan keupayaan kewangan dan mengukuhkan lagi hubungan antarabangsa Malaysia kepada Asia;
- (iv) Teras 4: **Melaksanakan peraturan relevan dan seimbang** dengan peningkatan berterusan pengawalseliaan prudential dan rangka kerja undang-undang sejajar dengan badan penetapan standard bagi standard antarabangsa; dan
- (v) Teras 5: **Menjalankan penyeliaan dan penguatkuasaan tindak awal** dengan memodenkan pendekatan penyeliaan tindak awal melalui penerimgunaan teknologi penyeliaan.

KEDUDUKAN KEWANGAN

Berhubung prestasi kewangan Labuan FSA, saya berbesar hati mengumumkan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, Labuan FSA mencatatkan peningkatan dalam pendapatan operasi sebanyak RM62.84 juta berbanding dengan RM61.82 juta pada 2020, manakala surplusnya meningkat sewajarnya menjadi RM18.9 juta.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, bagi pihak pengurusan Labuan FSA, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan ahli Lembaga Labuan FSA atas sokongan padu dan bimbingan yang berterusan yang diberikan kepada Labuan FSA. Penghargaan saya juga kepada komuniti kewangan Labuan atas sokongan tidak berbelah bahagi dan persefahaman yang ditunjukkan dalam tempoh yang mencabar ini. Tenaga, idea bernas, dedikasi tinggi yang tiada batasan, menjadikan anda benar-benar menakjubkan dan berdaya tahan. Saya yakin kerjasama Lembaga-Industri ini akan diteruskan pada tahun-tahun yang mendatang.

Akhir sekali, saya ini menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada kakitangan Labuan FSA dan anak syarikatnya untuk usaha yang tidak mengenal penat lelah yang anda berikan dan keprofesionalan yang anda tunjukkan, yang memberi motivasi yang sangat tinggi kepada seluruh pasukan pengurusan. Saya menghargai usaha padu dan dedikasi anda dalam memastikan kejayaan dalam setiap projek kritikal. Seperti biasa, Labuan FSA menaruh harapan agar anda berjaya dan maju lebih jauh.

Sekali lagi, terima kasih kepada semua atas segala sumbangan anda.





01

MAKLUMAT

KORPORAT

- Objektif dan Fungsi Labuan FSA
- Struktur Organisasi
- Subsidiari
- Ahli-ahli Lembaga Labuan FSA
- Pengurusan Kanan Labuan FSA
- Kumpulan Penasihat Labuan FSA
- Keahlian Antarabangsa



PROFIL KORPORAT

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (*Labuan Financial Services Authority [Labuan FSA]*) telah ditubuhkan pada 15 Februari 1996 sebagai badan berkanun yang bertanggungjawab terhadap pengawalseliaan, pengawasan dan pembangunan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (*International Business and Financial Centre [IBFC]*).



OBJEKTIF LABUAN FSA

Mempromosi dan membangunkan Labuan IBFC

Untuk mempromosi dan membangunkan Labuan sebagai pusat terulung yang bereputasi tinggi bagi perniagaan, produk dan perkhidmatan kewangan antarabangsa.

Merangka Objektif Negara

Untuk menetapkan matlamat, dasar, dan keutamaan nasional bagi pertumbuhan dan pentadbiran perniagaan kewangan antarabangsa yang sistematik di Labuan serta mengemukakan saranan kepada Kerajaan.

Pihak Berkuasa Pusat

Bertindak sebagai pihak berkuasa utama dalam pengawalseliaan, pengawasan dan penguatkuasaan bagi perniagaan serta industri perkhidmatan kewangan antarabangsa Labuan.




FUNGSI LABUAN FSA

Dalam melaksanakan mandat pengawalseliaan, kami telah diamanahkan dengan fungsi berkanun berikut:

- **Untuk mentadbir, menguatkuasakan, menjalankan dan melaksanakan peruntukan:**
 - Akta Syarikat Labuan 1990
 - Akta Amanah Labuan 1996
 - Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996
 - Akta Yayasan Labuan 2010
 - Akta Perkhidmatan dan Sekuriti Kewangan Labuan 2010
 - Akta Perkhidmatan dan Sekuriti Kewangan Islam Labuan 2010
 - Akta Perkongsian Terhad dan Perkongsian Liabiliti Terhad 2010
 - Sebarang undang-undang lain yang berkaitan dengan perniagaan dan perkhidmatan kewangan di Labuan
- **Untuk memastikan** bahawa transaksi kewangan antarabangsa dilaksanakan mengikut lunas undang-undang;
- **Untuk melaksanakan** penyelidikan dan menjalankan kajian bagi mengukuhkan dan meluaskan skop perkhidmatan kewangan antarabangsa di Labuan IBFC;
- **Untuk mengemukakan** saranan bagi mewujudkan dan menaik taraf kemudahan dalam usaha meningkatkan daya tarikan Labuan sebagai sebuah pusat perniagaan dan perkhidmatan kewangan antarabangsa;
- **Untuk bekerjasama** dengan institusi-institusi kewangan serta persatuan-persatuan industri bagi memajukan pembangunan serta pertumbuhan perniagaan perkhidmatan kewangan di Labuan IBFC; dan
- **Untuk mengemukakan** saranan kepada Kerajaan secara amnya berkenaan perkara yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan di Labuan IBFC.

STRUKTUR ORGANISASI


Labuan FSA dibahagikan kepada tujuh jabatan, diselia oleh pengarah masing-masing, mengikut portfolio yang telah ditetapkan di bawah jagaan mereka.





SUBSIDIARI

Kegiatan utama Pristine Era Sdn. Bhd. adalah melibatkan pengurusan bagi Sekolah Antarabangsa Labuan, manakala Labuan IBFC Inc. Sdn. Bhd. telah ditubuhkan untuk menguruskan aktiviti pemasaran dan promosi bagi Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan.



JAWATANKUASA
PENCALONAN
DAN IMBUHAN

PENGURUSAN
KORPORAT

SUMBER MANUSIA
STRATEGIK

KUMPULAN
KEWANGAN

PENGURUSAN
FASILITI

TEKNOLOGI
MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI

UNDANG-UNDANG
DAN KESETIAUSAHAAN

KUMPULAN
PENASIHAT

PENGUATKUASAAN

SETIAUSAHA
KEPADA
LEMBAGA/ARMC/NRC



AHLI-AHLI LEMBAGA

Labuan FSA





AHLI-AHLI LEMBAGA



DATUK SITI ZAINAB OMAR
Pengerusi

Datuk Siti Zainab binti Omar merupakan Peguam Cara Negara II dan sebelum ini, beliau pernah menyandang jawatan sebagai Ketua Bahagian Penasihat di Jabatan Peguam Negara, Malaysia.

Beliau berkelulusan L.L B (Kepujian) dari *University of Essex* di *United Kingdom* pada tahun 1985. Beliau telah diterima masuk ke Badan Peguam England dan Wales (Grays's Inn) pada tahun 1986 dan seterusnya diterima masuk ke Badan Peguam Malaysia (Malaysian Bar) sebagai Peguam Bela dan Peguam Cara pada tahun 1998.

Datuk Siti Zainab memulakan kerjayanya dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara. Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Peguam Persekutuan dan Peguam Kanan Persekutuan di Bahagian Penasihat Jabatan Peguam Negara dan berkhidmat di banyak Kementerian lain seperti Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Pos dan Kementerian Kerja Raya. Pada tahun 2007 beliau telah dilantik sebagai Penasihat Undang-undang Negeri Melaka. Beliau juga pernah berkhidmat dengan Kementerian Kewangan sebagai Timbalan Peguamcara Perbendaharaan dan pada tahun 2009 sebagai Peguamcara Perbendaharaan.

Beliau mempunyai pengalaman undang-undang yang luas terutamanya dalam pelbagai urusan berkaitan domestik dan antarabangsa. Antara

bidang kepakaran beliau adalah berkaitan dengan hal penswastan dan bidang perundangan khusus lain seperti undang-undang perlembagaan, kewangan dan undang-undang Islam, undang-undang korporat, kontrak dan pembinaan. Beliau juga terlibat dan mengetuai banyak rundingan antarabangsa yang melibatkan Kerajaan Malaysia.

Sepanjang tempoh perkhidmatannya, beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang beberapa jawatan khas termasuk jawatan pengarah di badan-badan berkanun dan syarikat seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad, Usahasama SPNB-LTAT Sdn Bhd, Sepang International Circuit Sdn Bhd. Semasa memegang jawatan, beliau telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan khas termasuk jawatan pengarah dalam badan berkanun kerajaan dan syarikat seperti Syarikat Perumahan Negara Berhad, Usahasama SPNB-LTAT Sdn. Bhd., Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Sepang International Circuit Sdn. Bhd., Syarikat Air Melaka dan Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka.

Beliau juga merupakan salah seorang daripada ahli jawatankuasa Penyelarasan Undang-undang Kewangan Islam yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia. Beliau kini turut menyandang jawatan ahli Lembaga Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan ahli Lembaga Pengarah bagi Malaysia Rail Link (MRL) Sdn. Bhd.

AHLI-AHLI LEMBAGA



NIK MOHAMED DIN NIK MUSA

Encik Nik Mohamed Din merupakan Ketua Pengarah bagi Labuan FSA. Sebelum ini, beliau merupakan Pengarah bagi Peraturan Perniagaan Perkhidmatan Wang di Bank Negara Malaysia (BNM) sejak tahun 2016.

Sebelum ini, beliau bertanggungjawab ke atas perundangan, penyeliaan, pembangunan dasar dan pengiriman wang rentas sempadan, pertukaran mata wang dan perniagaan borong mata wang di Malaysia. Beliau menyertai BNM pada tahun 1991 dan pernah berkhidmat di pelbagai bidang di BNM, termasuk perundangan bank, perbankan Islam dan takaful, serta pengembangan pasaran kewangan antarabangsa Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (*International Business and Financial Centre [IBFC]*).

Selain itu, Encik Nik Mohamed Din juga merupakan Naib Pengerusi Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (*International Islamic Financial Market [IIFM]*). Beliau juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Kestabilan Kewangan Labuan FSA dan ahli Lembaga pengarah bagi Financial Park (Labuan) Sdn Bhd.

Di samping memiliki sijil *Chartered Banker* dari *Asian Institute of Chartered Bankers*, Encik Nik Mohamed Din juga memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Ekonomi dan Perakaunan dari University of Bristol dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan dari *University of Warwick, United Kingdom*.



DR. WONG HUEI CHING

Dr. Wong Huei Ching merupakan salah seorang dari Pengarah Eksekutif di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (*Securities Commission [SC]*). Beliau bertanggungjawab ke atas bahagian Strategi Digital dan Inovasi, yang merangkumi Jabatan Inovasi, Strategi Digital, Analisis, Keselamatan Siber dan Teknologi.

Pelantikan beliau berfungsi untuk memajukan lagi potensi digital dan inovasi dalam bidang pengumpulan dana dan pelaburan alternatif, ke arah membentuk pasaran modal yang lebih inklusif dan mampan untuk perniagaan dan pelabur.

Dr. Wong menyertai SC pada 2017 dan telah terlibat dalam pelbagai inisiatif pembangunan pasaran bermula daripada kemudahan kerancangan pasaran kepada usaha pendigitalan industri yang lebih besar. Beliau juga memainkan peranan penting dalam pembangunan Pelan Induk Pasaran Modal 3 yang dilancarkan baru-baru ini.

Dr. Wong merupakan salah seorang daripada Ahli Lembaga bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, yang dilantik oleh Menteri Kewangan.

Sebelum berkhidmat dengan SC, beliau pernah berkhidmat di sebuah firma perunding pengurusan global dalam bahagian pengurusan strategi, dan beliau juga pernah berkhidmat di salah sebuah bank terbesar di Malaysia. Dr. Wong mempunyai pengalaman yang luas dalam sektor perkhidmatan kewangan yang merangkumi aspek kepenggunaan, perbankan borong dan antarabangsa, terutamanya dalam pengembangan strategi dan transformasi.

Dr. Wong berkelulusan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektronik dan Komunikasi dan PhD dalam bidang Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dari *University of Bristol, United Kingdom*.

AHLI-AHLI LEMBAGA



NOR HAZLINA AB. AZIZ

Puan Nor Hazlina Ab. Aziz telah berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama lebih 20 tahun. Kini, beliau merupakan Ketua Bahagian Penilaian Tadbir Urus Jabatan Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat, Kementerian Kewangan Malaysia. Sebelum ini, beliau terlibat dalam kerjasama serantau dalam hal kewangan yang berkaitan dengan ASEAN, ASEAN+3 dan ASEM di Bahagian Antarabangsa.

Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat di pelbagai agensi kerajaan termasuk portfolio di bawah Kementerian Kesihatan dan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Puan Nor Hazlina memiliki Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) dari Universiti Utara Malaysia dan Ijazah Sarjana Dasar Awam (Tadbir Urus) dari Universiti Meiji, Tokyo, Jepun.



STEVEN CHOY KHAI CHOON

Encik Steven Choy Khai Choon kini merupakan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas Zurich General Insurance (M) Bhd. dan Pengerusi Bukan Eksekutif Bukan Bebas Zurich Life Insurance Malaysia Bhd. Beliau turut berkhidmat dalam Lembaga Pengarah Hap Seng Plantations Holdings Bhd., Bon dan Platform Maklumat Sukuk Sdn. Bhd. dan Asian Banking School Sdn. Bhd. Encik Steven juga merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dan Pengerusi Jawatankuasa Audit, Tadbir Urus dan Risiko MSM Malaysia Holdings Bhd. Selain itu, beliau juga merupakan Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif bagi Kenanga Investment Bank Berhad.

Sebelum ini, beliau memegang jawatan kanan di beberapa institusi kewangan dan berkhidmat sebagai Presiden/CEO Cagamas Berhad selama enam tahun sebelum bersara pada bulan Mac 2012.

Encik Steven Choy Khai Choon berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dari *University of New South Wales*, Australia pada tahun 1982 dan memegang ijazah Sarjana dalam Perniagaan Pentadbiran dari *Oklahoma City University*, Amerika Syarikat pada tahun 1988. Beliau adalah Fellow CPA Australia dan Ahli Institut Akauntan Malaysia.

AHLI-AHLI LEMBAGA



DATUK NOR AZIMAH ABDUL AZIZ

Datuk Nor Azimah Abdul Aziz merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Sebelum pelantikannya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 1 Mei 2020, beliau adalah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif bagi Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan serta Perkhidmatan Korporat pada tahun 2016 hingga 2020. Beliau menyertai SSM sebagai Pengurus Besar Dasar Korporat, Perancangan dan Jabatan Pembangunan pada tahun 2003. Beliau memulakan kerjayanya pada tahun 1992 sebagai Peguambela dan Peguamcara dan sejak itu berkhidmat sebagai Pensyarah Undang-undang di Jabatan Perakaunan, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Semasa berkhidmat dengan UKM, beliau telah dipinjamkan ke Jabatan Kawal Selia dan Standard Institut Akauntan Malaysia (MIA) pada Julai 2000.

Beliau mempunyai pengalaman luas dalam inisiatif pembaharuan undang-undang dan menyelia kelulusan undang-undang penting di bawah bidang kuasa SSM, antara lain, Akta Syarikat 2016, Akta Skim Faedah 2016, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat (Pindaan) 2007. Beliau kini merupakan Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pemantauan Audit (*Audit Oversight Board*), Ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah (LPPIB), Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Pelaporan Kewangan (*Financial Reporting Foundation*), Ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (*Iskandar Regional Development Authority*) dan telah dipilih sebagai ahli Jawatankuasa Eksekutif Forum Daftar Korporat (*Corporate Registers Forum*) iaitu sebuah persatuan pendaftaran korporat antarabangsa.

Datuk Nor Azimah berkelulusan Ijazah Undang-undang dari Institut Teknologi MARA (kini Universiti Teknologi MARA atau UiTM) dan Sarjana Undang-undang (LLM dalam Undang-undang Perniagaan) dari *University of Wales, Aberystwyth, United Kingdom*.



AZNAN ABDUL AZIZ

Encik Aznan Abdul Aziz merupakan Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia yang bertanggungjawab ke atas Pemantauan Perkhidmatan Pembayaran, Penyeliaan Konglomerat Kewangan, Penyeliaan Perbankan, Penyeliaan Insurans dan Takaful serta Pakar Risiko dan Jabatan Penyeliaan Teknologi.

Sebelum pelantikannya sebagai Penolong Gabenor, beliau telah berkhidmat di beberapa jabatan termasuk Penyeliaan Konglomerat Kewangan, Pejabat Gabenor, Perbankan Islam dan Takaful, Pembangunan Sektor Kewangan, Unit Perisikan Kewangan, Pengawasan Kewangan dan Jabatan Peraturan Bank.

Sebelum ini, beliau merupakan Pengerusi Kumpulan Pemboleh Teknologi Kewangan yang bertanggungjawab untuk membangunkan strategi dan dasar kawal selia untuk memudahkan penggunaan teknologi dalam perkhidmatan kewangan dan berperanan sebagai Penolong Pengurus Besar Danamodal Nasional Berhad, kenderaan tujuan khas yang ditubuhkan untuk permodalan semula institusi kewangan yang bermasalah semasa Krisis Kewangan Asia 1997.

Encik Aznan berkelulusan Ijazah Ekonomi dan Perakaunan dari *Universiti Bristol, United Kingdom*.

AHLI-AHLI LEMBAGA



DATUK ABU TARIQ JAMALUDDIN

Datuk Abu Tariq Jamaluddin merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pematuhan) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) di mana beliau bertanggungjawab menyelia aktiviti audit, penyasatan dan pemprofilan cukai yang dijalankan oleh LHDNM.

Minggu Pertama: Integrity @ Art - Pertandingan Poster dan Slogan	Objektif program ini adalah untuk menerapkan budaya integriti melalui seni, memupuk semangat untuk mengetahui lebih lanjut tentang integriti dalam kalangan pekerja Labuan FSA dan pada masa sama meningkatkan kreativiti pekerja Labuan FSA.									
Minggu Kedua: Integrity@Waze - Pesanan dalam Maze	Pendekatan interaktif untuk libat urus lebih baik mengenai integriti.									
Minggu Ketiga: Penerokaan Integrity@ Knowledge - Silang Kata	Objektif aktiviti ini adalah untuk menerokai pemahaman pekerja Labuan FSA tentang hal integriti dan tadbir urus.									
Minggu Keempat: Menutup Bulan Integriti dan Ceramah Kesedaran Integriti	Ceramah Kesedaran CyberSAFE: <i>Excuse Me, Your Privacy is Showing</i> , ialah perkongsian pengetahuan yang mendalam mengenai Keselamatan Siber, Buli Siber, dan Integriti Data.									






03

PRESTASI INDUSTRI

LABUAN IBFC

- Syarikat Labuan
- Perbankan Labuan
- Insurans Labuan
- Syarikat Amanah Labuan
- Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan
- Pemajakan Labuan
- Pengurusan Kekayaan Labuan
- Pasaran Digital Labuan
- Pasaran Modal Labuan
- Bursa Pertukaran Kewangan




SYARIKAT LABUAN

Tahun 2021 terus menjadi tahun yang mencabar selepas ditimpa musibah pandemik COVID-19 ke atas ekonomi global. Pandangan global pada peringkat awal didorong oleh gabungan beberapa faktor yang termasuk akses lebih luas kepada vaksin COVID-19, kelonggaran halangan perjalanan, langkah dan sokongan dasar fiskal di samping pelepasan permintaan terpendam. Namun, bayang-bayang varian pandemik baharu, harga tenaga tinggi, tekanan rantaian pembekalan termasuk ketaktentuan geopolitik membelenggu rantaian yang mengekang momentum pemulihan dalam bahagian seterusnya tahun tersebut. Bagi Labuan IBFC terdapat ketaktentuan tambahan berkaitan dengan peralihan untuk mematuhi keperluan teras ekonomi. Faktor ini telah memberi kesan besar kepada pasaran dan kerancangan perniagaan Labuan IBFC. Bagaimanapun, pada tahun kedua pandemik, pihak industri telah mula menyesuaikan diri dengan norma baharu dan mengubah suai model operasi perniagaan mereka untuk memastikan perkhidmatan mereka kepada klien kekal tidak terganggu.

Satu lagi pembangunan yang berkaitan untuk syarikat Labuan ialah kemasukan Entiti Perdagangan Labuan Lain ke dalam Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Keperluan untuk Aktiviti Perniagaan Labuan) 2021. Dengan penambahbaikan perundangan ini kepada rangka kerja cukai Labuan, maka kepastian dasar fiskal yang lebih baik dapat dijangkakan untuk pelabur dan pemain Labuan sedia ada mengenai insentif cukai yang ditawarkan oleh Labuan IBFC.

JUMLAH PENUBUHAN SYARIKAT BAHARU



JUMLAH SYARIKAT BEROPERASI



- Syarikat baharu berkurangan sebanyak 31.5% kepada 455.
- Jumlah penutupan syarikat berada sebanyak 1,194, yang telah mengurangkan jumlah syarikat beroperasi kepada 5,151.



5,151

Syarikat Beroperasi

Persekitaran yang mencabar telah mengakibatkan penurunan dalam pertumbuhan penubuhan syarikat baharu sepanjang tiga tahun yang lalu. Oleh itu, telah mengurangkan jumlah syarikat yang beroperasi di Labuan IBFC. Trend penurunan juga boleh disebabkan oleh pembatalan pendaftaran syarikat yang tinggi.

SYARIKAT BEROPERASI MENGIKUT JENIS


57%
Perdagangan

36%
Bukan
Perdagangan

7%
Kedua-duanya

- Syarikat Labuan terdiri daripada entiti perdagangan dan bukan perdagangan.
- 2,924 adalah syarikat perdagangan di mana 889 daripadanya adalah institusi kewangan.
- 1,869 adalah syarikat bukan perdagangan yang ditubuhkan bagi tujuan pemegangan pelaburan.
- 358 adalah syarikat perdagangan dan bukan perdagangan.

ASAL SYARIKAT LABUAN DARI 125 NEGARA MERENTASI 5 RANTAU



Negara	Agihan Pasaran
Malaysia	45.3%
Singapura	6.3%
Jepun	5%
Virgin Islands, British	4.7%
China	3.6%
United Kingdom	3.4%
Hong Kong	2.5%
Australia	2%
India	1.7%
Indonesia	1.7%
Lain-lain	23.7%

PERBANKAN LABUAN


Landskap perbankan global telah berubah secara signifikan dalam dekad yang lalu sebagai respon kepada keperluan kawal selia yang dipertingkatkan, jangkaan klien yang semakin canggih, dan kemajuan teknologi. Dan yang terkini, pandemik telah mendorong gelombang yang baharu inovasi dan pemetaan perkhidmatan perbankan digital dengan lebih banyak bank meningkatkan usaha pendigitalan, ketahanan operasi dan saluran penghantaran mereka untuk mengembangkan capaian pasaran mereka. Anjakan ini tidak dapat dielakkan dan kelihatan akan membawa satu anjakan paradigma dalam perbankan antarabangsa memandangkan klien peruncitan dan perniagaan makin bergantung pada kewangan digital.

Bank-bank Labuan terus berdaya tahan dan teguh secara kewangan dengan kecairan yang banyak. Apabila ekonomi serantau mula pulih, industri perbankan Labuan mula menunjukkan kecergasan yang semakin meningkat seperti yang digambarkan oleh peningkatan aktiviti pembiayaan dan pelaburan. Bagaimanapun, risiko ekonomi yang berlaku dalam sektor kewangan yang dikhususkan dan pasaran tertentu telah menyebabkan bank Labuan menjadi lebih berhati-hati dalam penilaian risiko dan mengamalkan pembiayaan berhemah tinggi. Dalam tahun tersebut, keberuntungan industri kurang terkesan oleh peruntukan tersebut memandangkan ini telah dimasukkan dalam penyata kewangan institusi perbankan tahun sebelumnya. Hasilnya, keberuntungan industri perbankan mencapai pertumbuhan sebanyak 127.8%.

Minat yang meningkat dalam perniagaan perbankan Labuan ditunjukkan oleh kelulusan 11 institusi perbankan baharu pada 2021, di mana empat daripadanya telah diluluskan untuk menjalankan perbankan digital. Menarik juga untuk mengambil maklum bahawa terdapat minat yang meningkat dalam ruang teknologi kewangan (fintech) Labuan oleh pemohon bukan bank yang bekerjasama dengan institusi kewangan konvensional untuk menawarkan perbankan digital. Dengan peningkatan bilangan penyedia perkhidmatan kewangan digital Labuan, industri perbankan Labuan IBFC boleh menumpang atas keterangkuman kewangan Asia dengan memanfaatkan permintaan yang bertambah oleh segmen pasaran yang kurang dilayani dan tidak dilayani merentas rantau ini.

JUMLAH ASET

(dalam Bilion USD)




67

Bilangan Bank


37 Bank Komersial
30 Bank Pelaburan

Industri perbankan terus berkembang dengan 11 institusi perbankan baharu yang terdiri daripada sembilan bank pelaburan dan dua bank komersial di mana empat daripadanya mempunyai keupayaan digital. Lima bank menyerahkan lesennya.




- Jumlah aset kekal kukuh dengan pertumbuhan 13% menjadi USD55.8 bilion yang merupakan pertumbuhan tertinggi bagi tempoh lima tahun yang lalu disebabkan penempatan antara bank yang lebih tinggi.
- Pinjaman daripada ibu pejabat dan institusi kewangan kekal sebagai sumber utama dana untuk bank-bank Labuan. Ini berjumlah sehingga USD35.9 bilion (2020: USD34.2 bilion), meningkat sebanyak 4.8% daripada tahun yang sebelumnya.
- Situasi COVID-19 yang berterusan telah mengakibatkan bank-bank Labuan terus mengamalkan penghematan yang lebih tinggi dan memegang aset cair yang mencukupi. Ini ditunjukkan oleh peningkatan dalam dana tunai dan jangka pendek sebanyak 18.9% menjadi USD6 bilion.

PINJAMAN (dalam Bilion USD)



DEPOSIT (dalam Bilion USD)




- Jumlah portfolio pinjaman berkurangan sebanyak 6.3% menjadi USD23.4 bilion di mana majoritinya adalah pinjaman bukan pemastautin yang menyumbangkan 65.7% (USD15.4 bilion) daripada jumlah portfolio tersebut.
- Jumlah deposit pelanggan meningkat sebanyak 50.4% menjadi USD12.9 bilion yang kebanyakannya disebabkan oleh peningkatan deposit pemastautin. Ini membentuk 70.3% daripada jumlah deposit industri.

PORTFOLIO PINJAMAN

SUMBER PEMINJAM

BERDASARKAN RANTAU (dalam %)



PENDEDAHAN PINJAMAN

BERDASARKAN RANTAU (dalam %)

Asia & Pasifik

73.9%

Sektor Utama

- Pembuatan
- Pengangkutan dan Penyimpanan
- Perkhidmatan Kewangan, Insurans dan Perniagaan

Eropah

16.2%

Sektor Utama

- Hartanah
- Perkhidmatan Kewangan, Insurans dan Perniagaan
- Pembinaan Bangunan

Timur Jauh

4.7%

Sektor Utama

- Pengangkutan dan Penyimpanan
- Hartanah
- Perkhidmatan Lain

Amerika

4%

Sektor Utama

- Perdagangan Borong dan Runcit dan Restoran dan Hotel
- Perkhidmatan Kewangan, Insurans dan Perniagaan
- Pengangkutan dan Penyimpanan



BERDASARKAN SEKTOR (dalam %)



Pembuatan
22.2%



Utiliti
8.8%



Hartanah
16.7%



Perlombongan
6%



Pelbagai
15.6%



Pertanian Utama
3.9%



Perkhidmatan Kewangan
11.3%



Perdagangan
3.4%



Pengangkutan dan Komunikasi
10.1%



Perkhidmatan Lain
2%

- Pembiayaan semua sektor utama menurun kecuali sektor Perkhidmatan Kewangan yang meningkat sebanyak 7% yang kebanyakannya disebabkan pembiayaan pemastautin lebih tinggi.

Timur Jauh
3.4%


Timur Tengah & Afrika

1.3%


Sektor Utama

- Perlombongan dan Kuari
- Elektrik, Gas dan Air
- Hartanah

PENDAPATAN/(PERBELANJAAN) FAEDAH DAN BUKAN FAEDAH BERSIH (dalam Juta USD)



NISBAH PERBELANJAAN FAEDAH BERBANDING PENDAPATAN FAEDAH (dalam %)




PENDAPATAN BUKAN FAEDAH (dalam Juta USD)

Agihan Pasaran	Perihal	Jumlah	Pertumbuhan
100%	Jumlah Pendapatan Bukan Faedah	642.7	17.2%
43.1%	Kebalikan Kemerosotan Nilai	276.9	401.2%
34.2%	Keuntungan atas Instrumen Kewangan	219.6	-7.4%
14.7%	Pendapatan Fi dan Komisen	94.5	0.9%
7.9%	Lain-lain	51.1	-68.4%
0.1%	Pendapatan Dividen	0.7	110.5%

PERBELANJAAN BUKAN FAEDAH (dalam Juta USD)

Agihan Pasaran	Perihal	Jumlah	Pertumbuhan
100%	Jumlah Perbelanjaan Bukan Faedah	837.7	-8.3%
36.9%	Kerugian atas Instrumen Kewangan	309.5	-24.2%
35.1%	Kerugian Kemerosotan Nilai	294.2	-11.6%
15.4%	Lain-lain	128.7	159.7%
8%	Kos Pentadbiran	66.9	-4.8%
4.6%	Kos Aturan Perkhidmatan Luaran	38.3	-26.7%

KEBERUNTUNGAN (dalam Juta USD)



- Keberuntungan industri perbankan bertambah baik menjadi USD273.7 juta, iaitu peningkatan sebanyak 127.8% yang kebanyakannya disumbang oleh pendapatan bukan faedah dan masuk kira semula kemerosotan nilai.
- Pendapatan faedah bersih kekal rendah pada USD468.7 juta disebabkan penguncupan pembiayaan.




PERBANKAN ISLAM

JUMLAH OPERATOR




JUMLAH ASET ISLAM (dalam Bilion USD)




- Aset perbankan Islam kekal stabil pada tanda USD1.9 bilion.

PEMBIAYAAN



DEPOSIT



- Jumlah pembiayaan bank Islam meningkat sebanyak 8.8% menjadi USD1.7 bilion (2020: USD1.5 bilion) dengan lebih daripada separuh disumbang oleh pinjaman bukan pemastautin (54.6%). Pertumbuhan industri kebanyakannya disebabkan pinjaman pemastautin lebih tinggi, iaitu sebanyak USD763.9 juta (2020: USD574.8 juta).
- Jumlah deposit perbankan Islam berkurangan sebanyak 24.2% menjadi USD138.7 juta dengan deposit bukan pemastautin menyumbang 97.2% daripada jumlah tersebut.

KOMPOSISI PEKERJA



566
JUMLAH
PEKERJA

RAKYAT MALAYSIA
89.4%
506 PEKERJA

ASING
10.6%
60 PEKERJA


- Pekerjaan industri perbankan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 11.6% menjadi 566 pekerja yang kebanyakannya melibatkan rakyat Malaysia.

INSURANS LABUAN

Sama secara lazimnya dengan sektor lain, industri insurans global terus berdepan dengan kesan langsung dan tidak langsung COVID-19 pada aktiviti harian kehidupan, kesihatan, ekonomi dan pasaran kewangan pada 2021. Ini telah mengakibatkan peningkatan premium yang sederhana dan tuntutan yang meningkat yang dengan demikian memberi kesan kepada keberuntungan industri insurans global. Sebagai respon, premium pasaran yang semakin mencabar tidak dapat dielakkan memandangkan pengeluar insurans memilih untuk kemahuan menaja jamin yang lebih konservatif untuk memastikan kedudukan kewangan mereka kekal kukuh. Manakala di insurans Labuan pula, industri insurans Labuan kekal berdaya tahan dan menunjukkan pertumbuhan sederhana prestasi di tengah-tengah persekitaran pasaran yang semakin mencabar dan kadar faedah rendah. Apabila pasaran Asia berada pada landasan pemulihan dan dengan pelonggaran kawalan pergerakan yang semakin meningkat, maka gambaran pasaran insurans kelihatan memuaskan.

Labuan IBFC kekal sebagai hab domisil insurans yang menarik pada 2021 dengan kemasukan entiti insurans dan berkaitan insurans baharu di samping premium yang lebih tinggi yang ditaja jamin oleh industri tersebut. Dua puluh satu lesen baharu telah diluluskan, yang menambah lagi kepelbagaian syarikat multinasional dalam pasaran insurans Labuan. Pertumbuhan pasaran positif ini menyediakan kapasiti tambahan untuk Pusat tersebut memenuhi keperluan insurans semula yang semakin bertambah di Pulau Labuan.

JUMLAH ASET (dalam Bilion USD)



- Jumlah aset bertambah sebanyak 4.3% menjadi USD5.3 bilion yang kebanyakannya disebabkan oleh pelaburan kewangan.
- Pelaburan menjadi bahagian yang terbesar dalam jumlah komponen aset, mewakili 21.3% atau USD1.1 bilion.



229


BILANGAN ENTITI

126 Pengeluar Insurans
103 Perantara

Industri insurans berkembang dengan 21 entiti insurans dan berkaitan insurans baharu yang melibatkan empat pengeluar insurans semula am, 13 kaptif dan empat broker. Tiga belas entiti menyerahkan atau membatalkan lesen mereka pada 2021.




JUMLAH PREMIUM KASAR (dalam Juta USD)



- Jumlah premium yang ditaja jamin meningkat sebanyak 4.5% menjadi USD1.7 bilion, yang kebanyakannya disumbangkan oleh perniagaan kaptif.

PENGAGIHAN PREMIUM KASAR (dalam %)




- Perniagaan asing menyumbang agihan yang tinggi sebanyak 61.7% (USD1 bilion).
- Perniagaan Malaysia stabil pada 38.3% (USD0.6 bilion).


Berdasarkan Rantau




Berdasarkan Sektor




- Sektor kebakaran kekal sebagai penyumbang terbesar sebanyak 33.9% (USD564.1 juta) daripada jumlah premium yang ditaja jamin. (2020: 34.1%, USD564.1 juta)
- Sektor Kelas Lain menunjukkan pertumbuhan premium tertinggi yang kebanyakannya disebabkan kepada insurans liabiliti am yang mencatatkan pertumbuhan 15.6%.

NISBAH TAHANAN BERSIH (dalam %)

- Tahap tahanan industri keseluruhan meningkat kepada 64.5% disebabkan tahanan yang lebih tinggi dalam sektor pemotoran (pada 95.6%).

MARGIN MENAJA JAMIN (dalam Juta USD)

- Prestasi menaja jamin industri disederhanakan sedikit walaupun pertumbuhan pendapatan premium yang diterima sebanyak 3.7% (USD1,059.3 juta). Margin menaja jamin yang lebih rendah iaitu USD157.6 juta telah dicatatkan disebabkan oleh pengalaman tuntutan yang lebih tinggi khususnya untuk perniagaan insurans kebakaran.


KEBERUNTUNGAN (dalam Juta USD)

- Tuntutan bersih yang ditanggung mencatatkan peningkatan sebanyak 25.6% menjadikan keuntungan sebelum cukai berkurangan sebanyak 43.9% kepada USD204.3 juta.
- Pengalaman tuntutan yang lebih tinggi disebabkan kerugian banjir di Malaysia dalam tahun tersebut.




PERNIAGAAN INSURANS HAYAT

BILANGAN POLISI BERKAITAN PELABURAN



- Jumlah bilangan polisi yang berkuat kuasa bertambah sebanyak 16.2% (337,051 polisi).


PREMIUM DAN JUMLAH DIINSURANSKAN POLISI BERKAITAN PELABURAN BAHARU (dalam Juta USD)



- Sejumlah 26,315 polisi berkaitan pelaburan baharu dikeluarkan dengan jumlah bernilai sebanyak USD11.3 juta premium.


PERNIAGAAN BROKER INSURANS

PENEMPATAN PREMIUM (dalam USD Juta)



- Pada 2021, jumlah penempatan premium oleh broker Labuan meningkat sebanyak 7.4% (USD1.1 bilion) yang mana hampir semuanya adalah perniagaan broker insurans am.
- Penempatan premium am kebanyakannya bersumber daripada perniagaan insurans antarabangsa.

FI PEMBROKERAN YANG DITERIMA (dalam USD Juta)




- Fi pembrokeran meningkat sedikit sebanyak 1.9%. (USD58 juta).

PERNIAGAAN KAPTIF

Pasaran yang semakin mencabar digabungkan dengan tindakan menaja jamin komersial yang lebih berhati-hati oleh pengeluar insurans semula global yang ditingkatkan oleh landskap ekonomi pasca pandemik, telah menyebabkan lebih banyak perniagaan memilih penyelesaian insurans sendiri sebagai liputan alternatif. Ini sangat sesuai untuk Labuan IBFC memandangkan tawaran kaptif Labuan terdiri daripada struktur berpelbagai untuk pemilik risiko. Ini termasuk kaptif bersama dan berkaitan, menyewa satu kaptif di samping Syarikat Sel Terlindung (Protected Cell Companies atau PCC), di mana yang kemudian itu adalah penyelesaian utama untuk Labuan IBFC memandangkan ia adalah satu-satunya bidang kuasa dalam Asia yang menawarkan struktur korporat seperti itu. Kaptif ini boleh digunakan sama ada untuk liputan insurans sendiri konvensional atau menaja jamin takaful yang mematuhi prinsip Syariah seperti yang lebih digemari oleh pemilik risiko.


Mengambil kesempatan atas premium lebih tinggi daripada kesan pasaran yang semakin mencabar, kaptif Labuan meneruskan momentum pertumbuhannya. Labuan IBFC menjadi hos kepada 63 kaptif, dengan jumlah premium melebihi setengah bilion (USD568.9 juta) yang menyumbangkan 33.5% premium industri insurans. Lebih daripada 65% premium dijanakan daripada perniagaan insurans antarabangsa. Penunjuk ini jelas mencerminkan keunggulan Labuan IBFC yang meningkat sebagai pasaran kaptif pilihan untuk Asia.

BILANGAN KAPTIF



- Trend positif progresif dalam pembentukan kaptif baharu ditunjukkan dalam tiga tahun yang lalu.

JUMLAH PREMIUM KASAR (dalam USD Juta)



- Trend peningkatan berterusan dalam jumlah premium kaptif
- Jumlah premium kasar untuk perniagaan kaptif meningkat sebanyak 14.3% menjadi USD568.9 juta.
- Premium kaptif kebanyakannya dijanakan daripada perniagaan insurans antarabangsa dengan agihan 67.4%.

¹ PCC adalah entiti sah tunggal yang mempunyai kebolehan untuk mewujudkan berbilang sel dan memberikannya kebolehan untuk mengendalikan aset dan liabiliti terbeza, sambil membolehkan setiap sel beroperasi secara berasingan. Setiap sel yang berkenaan dipagar keliling, yang dilindungi daripada hutang dan liabiliti sel lain.

PERNIAGAAN KAPTIF

PENGAGIHAN PREMIUM KASAR



CAPAIAN KAPTIF LABUAN KINI LEBIH GLOBAL




Pada 2021, Labuan IBFC dianugerahkan Domisil Antarabangsa Terbaik di majlis Anugerah Penilaian Kaptif Eropah (European Captive Review Awards). Labuan IBFC turut memenangi anugerah Domisil Asia terbaik di majlis Anugerah Penilaian Kaptif APAC 2021 (APAC Captive Review Awards 2021) bagi tempoh tiga tahun berturut-turut. Anugerah ini menjadi bukti Labuan IBFC sebagai pasaran kaptif yang berkembang secara progresif dan dikawal selia dengan baik.






PERNIAGAAN TAKAFUL (SEMULA)

JUMLAH SUMBANGAN KASAR (dalam USD Juta)



PENGAGIHAN SUMBANGAN KASAR



- Jumlah sumbangan kasar untuk sektor takaful semula am mencatatkan sedikit peningkatan sebanyak 2.5% menjadi USD117.4 juta. Sektor kenderaan bermotor terus menjadi sektor penyumbang terbesar berjumlah sehingga 44.7% (USD52.5 juta) daripada jumlah tersebut. (2020: USD66.7 juta)

KOMPOSISI PEKERJA



1,173
JUMLAH
PEKERJA

RAKYAT MALAYSIA
84.1%
986 PEKERJA

ORANG ASING
15.9%
187 PEKERJA


- Pekerja industri insurans dan berkaitan insurans mencatatkan pertumbuhan sebanyak 5.5% menjadi 1,173 pekerja yang kebanyakannya terdiri daripada rakyat Malaysia.

SYARIKAT AMANAH LABUAN

Landskap kawal selia yang sentiasa berubah kekal mencabar dan mempunyai impak signifikan kepada Syarikat Amanah Labuan (Labuan Trust Companies atau LTCs) dalam menguruskan klien mereka. Perkhidmatan amanah dan korporat telah berkembang secara mendadak dan kebanyakannya tertumpu kepada penubuhan dan pendaftaran syarikat baharu. Sama dengan pembangunan dalam pasaran global dan serantau, beberapa LTC bertindak merasionalisasikan perniagaan termasuk menyatukan sebagai satu kaedah mengekalkan kelebihan daya saing dan menghasilkan pengurusan kos lebih baik.

Pada 2021, operasi perniagaan LTC terus terkesan oleh ketaktentuan dalam suasana ekonomi global akibat COVID-19 di samping perubahan terhadap rangka kerja cukai Labuan. Selaras dengan penubuhan syarikat yang rendah, maka keberuntungan industri menjadi sederhana. Sebagai respon, Labuan FSA meneruskan usahanya untuk menyesuaikan diri kepada norma baharu yang antaranya termasuk menambah baik sistem pendaftarannya dengan mempertingkatkan perkhidmatan carian syarikat, di samping meneruskan usaha menyediakan bantuan kawal selia dalam tahun tersebut yang pada mulanya diperuntukkan pada 2020 untuk meringankan beban operasi LTCs.

SUMBER PENDAPATAN (dalam Juta USD)



67


**BILANGAN
SYARIKAT AMANAH
39 Sepenuhnya
24 Amanah Diuruskan
4 Amanah Persendirian**

Pada 2021, enam syarikat amanah Labuan baharu diluluskan yang melibatkan satu syarikat amanah sepenuhnya dan lima syarikat amanah diuruskan. Lima lesen LTCs telah diserahkan kembali, dibatalkan atau kelulusannya dianggap terbatal dan tidak sah.






KEBERUNTUNGAN (dalam Juta USD)



- Bilangan LTC bertambah sebanyak 1.5% menjadi 67 dengan enam LTCs baharu diluluskan.
- Jumlah pendapatan berkurangan sebanyak 10.2% menjadi USD23.9 juta dan keberuntungan menyederhana sedikit menjadi USD7.8 juta.

ASAL SYARIKAT AMANAH (dalam %)



- Majoriti LTCs berasal dari rantau Asia dan Pasifik.

KOMPOSISI PEKERJA



471
JUMLAH
PEKERJA

RAKYAT MALAYSIA
97.7%
460 PEKERJA


ASING
2.3%
11 PEKERJA

- Tenaga kerja LTCs terdiri daripada
- 471 pekerja yang terdiri daripada: 92 Pegawai Amanah 379 Pengurusan Kanan dan kakitangan sokongan


SYARIKAT PERDAGANGAN KOMODITI ANTARABANGSA LABUAN

Perniagaan perdagangan komoditi antarabangsa memulakan aktivitinya tahun ini dengan nada yang lebih positif. Pasaran gas dan minyak global telah bangkit semula dan berdiri di atas asas yang lebih baik selaras dengan fasa pemulihan ekonomi Asia. Perniagaan komoditi antarabangsa Labuan berkembang dengan memanfaatkan trend positif pasaran minyak global. Hasilnya, keberuntungan industri melonjak kepada USD3.5 bilion untuk 2021, iaitu satu pemulihan daripada kerugian USD1.6 bilion yang dicatatkan pada 2020.

ASAL SYARIKAT DAGANGAN KOMODITI LABUAN (dalam %)



BILANGAN LITCs



- Majoriti Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan (Labuan International Commodity Trading Companies atau LITCs) berasal dari rantau Asia dan Pasifik, khususnya dari Malaysia dan Singapura.




40
BILANGAN
SYARIKAT

Pada tahun 2021, empat syarikat LITC telah diluluskan dan tujuh telah diserahkan kembali atau dibatalkan.




KOMODITI YANG DIDAGANGKAN BERDASARKAN JENIS



- Jumlah komoditi yang didagangkan meningkat sebanyak 67.9% menjadi USD39.1 bilion.
- Petroleum dan produk berkaitan petroleum menyumbang 88.2% daripada jumlah komoditi yang didagangkan.

KEBERUNTUNGAN (dalam Bilion USD)




- Pada 2021, industri mencatatkan peningkatan keuntungan sebanyak USD3.5 bilion, yang berpunca daripada keyakinan pasaran minyak dan pemulihan kemerosotan nilai sebelumnya.

PEMAJAKAN LABUAN

Aktiviti ekonomi global yang lebih perlahan pada tahun sebelumnya masih menjadi satu cabaran untuk pasaran pajakan antarabangsa. Sektor pajakan penerbangan terus terkesan oleh sekatan pergerakan dan perjalanan global walaupun kebimbangan berkurangan apabila pasaran menjadi lebih liberal dan membuka sempadan mereka. Sama seperti sektor kewangan lain, syarikat pajakan Labuan meneruskan usaha menstruktur semula dan mewajarkan dalam tahun tersebut bagi membiasakan diri kepada persekitaran perniagaan yang sedang berubah. Walau apa pun, prospek perniagaan pasaran pajakan penerbangan kekal optimis apabila perjalanan dan pelancongan bersambung semula pada lewat 2021. Berhubung dengan aktiviti pajakan berkaitan petroleum, aktiviti tersebut mengalami lonjakan berikutan momentum perniagaan positif dalam prestasi harga minyak mentah global di samping kesan pandemik yang berkurangan. Trend memaju ini dijangka akan menyemarakkan aktiviti pajakan Labuan.

BILANGAN KELULUSAN BAHARU DAN URUS NIAGA SUSULAN



- Majoriti urus niaga pajakan baharu dan susulan telah diluluskan untuk sektor berkaitan petroleum.



253

BILANGAN
SYARIKAT

182 Berkaitan Petroleum
58 Penerbangan
13 Lain-lain

Lapan syarikat pajakan baharu telah diluluskan merangkumi lima syarikat pajakan berkaitan petroleum, manakala bakinya merangkumi pajakan untuk sektor penerbangan. Dua puluh satu syarikat pajakan berhenti beroperasi.

JUMLAH ASET
BAHARU YANG
DIPAJAKKAN
PADA 2021



PENERBANGAN
63.4%
585
JUTA USD




BERKAITAN
PETROLEUM
34.3%
316.6
JUTA USD



LAIN-LAIN
2.2%
20.73
JUTA USD




JUMLAH ASET YANG DIPAJAKKAN (dalam Bilion USD)



- Jumlah aset yang dipajakkan untuk industri menurun 2.1% menjadi USD39.8 bilion.
- Sektor berkaitan petroleum menyumbang 57.7% daripada jumlah aset yang dipajakkan, manakala bakinya merangkumi sektor penerbangan dan sektor lain.

KEBERUNTUNGAN (dalam Juta USD)



* Dinyatakan semula


- Pelbagai cabaran operasi dihadapi oleh syarikat pajak yang telah memberi kesan kepada prestasi perniagaan mereka.
- Keuntungan kasar industri tersebut mencatatkan penurunan kepada USD376.7 juta.

PENGURUSAN KEKAYAAN LABUAN


Ekosistem Labuan IBFC yang komprehensif yang termasuk keperluan undang-undang dan kemudahan yang jelas, terus bersifat kondusif untuk pengurusan kekayaan khususnya untuk individu bernilai bersih tinggi. Rangka kerja undang-undang Labuan IBFC yang merangkumi penyelesaian berdasarkan undang-undang sivil dan common law menawarkan prospek dengan pilihan yang komprehensif dalam memilih instrumen yang sesuai untuk kehendak perancangan hartanah mereka. Tambahan lagi, dengan sistem kewangan berkembar, prospek juga boleh memilih sama ada struktur konvensional atau Syariah berdasarkan keutamaan peribadi mereka.

YAYASAN

PENDAFTARAN BAHARU



JUMLAH YAYASAN




- Pendaftaran yayasan baharu meningkat sebanyak 10.7% menjadi 31.
- Pada 2021, terdapat 204 yayasan beroperasi. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 174 adalah yayasan bukan kebajikan. Lima daripadanya ialah yayasan yang mematuhi prinsip Syariah.





YAYASAN


JUMLAH ENDOWMEN ASET



- Jumlah aset yang disumbangkan berjumlah sehingga USD652.9 juta, dan majoritinya berbentuk aset bukan tunai.
- Berhubung ini, 76% daripada jumlah aset bukan wang tunai yang berjumlah USD345.8 juta adalah dalam bentuk pelaburan ekuiti. Baki, kebanyakannya dalam bentuk pelaburan hartanah.

AMANAHAH

AMANAHAH BERDAFTAR



- Untuk 2021, amanah berdaftar Labuan kekal pada angka 16 yang terdiri daripada tiga amanah benefisiari persendirian, sembilan amanah bertujuan, tiga amanah kebajikan dan satu amanah perlindungan.
- Jumlah aset di bawah pengurusan kebanyakannya dalam harta dan hartanah.


PASARAN DIGITAL LABUAN

Pembangunan teknologi telah terbukti menjadi pengubah rentak untuk Labuan IBFC apabila ia membuka pasaran untuk perkhidmatan kewangan digital (Digital Finance Services atau DFS) pada 2017. Kini, selepas lebih daripada lima tahun, Pusat ini menawarkan pelbagai lesen untuk menjalankan bentuk pelaksanaan DFS, iaitu daripada platform e-perdagangan untuk mata wang digital dan penasihat robot, sehingga kepada perbankan digital kompleks, teknologi insurans (insuretech), pen dan pertukaran aset digital. Memang benar, fasa Labuan Digital telah bermula, membolehkan penyelesaian DFS yang dipertingkatkan, unik dan inovatif untuk ditawarkan oleh Pusat tersebut untuk memenuhi permintaan Asia.



Model perniagaan digital Labuan memenuhi piawaian prudential dan keperluan AML/CFT memandangkan Pusat tersebut menggunakan set lesen perniagaan sedia ada untuk mengumpul cadangan perniagaan DFS. Pemuatan kepada keperluan antarabangsa mengenai pertukaran maklumat cukai dan keneutralan mata wang menambahkan lagi tarikan Labuan IBFC sebagai hab digital yang berkembang Asia. Sehingga hari ini, pasaran DFS Labuan telah berkembang saiznya, dengan 90 pemegang lesen DFS. Bergerak ke hadapan, Pusat tersebut berhasrat untuk menggabungkan penyelesaian kewangan Islam Labuan dengan DFS untuk sinergi perniagaan yang lebih tinggi, khususnya keterangkuman kewangan lebih besar dalam rantau tersebut.

JUMLAH BILANGAN PENYEDIA DFS



* Dinyatakan semula

- Pada 2021, DFS berkembang secara signifikan sebanyak 385% menjadi 90 dengan 31 kelulusan baharu.


PENYEDIA PERKHIDMATAN KEWANGAN DIGITAL






BROKER WANG

BILANGAN BROKER WANG




ASAL BROKER WANG (dalam %)




- Pada tahun 2021, sebanyak 35 broker wang baharu diluluskan menjadikan jumlahnya sebanyak 108. Pemain baharu ini kebanyakannya mengendalikan platform aset digital. Lima entiti telah diserahkan kembali atau kelulusan dianggap terbatal dan tidak sah.
- Hampir separuh daripada broker wang Labuan berasal dari rantau Asia & Pasifik, kebanyakannya dari Malaysia, Singapura dan Jepun.

BILANGAN TOKEN KREDIT



- Lima kelulusan baharu diberi kebenaran untuk pentokenan sekuriti sandaran aset.

BILANGAN OPERATOR SISTEM PEMBAYARAN



* Dinyatakan semula


- Sepuluh kelulusan baharu diberi kebenaran untuk menjalan penjelasan dan penyelesaian dana.
- Tiga operator menyerahkan lesen mereka atau kelulusan dianggap terbatal dan tidak sah.

PASARAN MODAL LABUAN


Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan minat dalam pasaran modal Labuan IBFC dan aktiviti pengumpulan dana. Dengan sistem dwi kewangan konvensional dan patuh syariah, industri pasaran modal Labuan mempunyai potensi besar untuk terus berkembang terutamanya apabila lebih banyak penyedia DFS menggunakan token Labuan untuk tujuan pengumpulan dana. Menggabungkan pengantaraan dan instrumen pasaran modal Labuan, DFS dan kewangan Islam Labuan, Pusat ini memiliki semua elemen sinergi yang diperlukan untuk menjadi pusat pelaburan terkemuka bagi Asia.



BILANGAN PERANTARA




ASAL PENGURUS DANA DAN PEMEGANG LESEN SEKURITI (dalam %)



- Dalam tahun ini, sebanyak 13 pengurus dana baharu dan empat pemegang lesen sekuriti baharu diluluskan. Empat pengurus dana menyerahkan kembali, membatalkan atau kelulusan dianggap terbatal dan tidak sah, manakala satu pemegang lesen sekuriti menyerahkan lesennya.
- Majoriti pengurus dana dan pemegang lesen sekuriti berasal dari rantau Asia dan Pasifik (62.5% dan 58.8% daripada jumlah, masing-masing).



ASET DI BAWAH PENGURUSAN OLEH PENGURUS DANA




- Jumlah aset di bawah pengurusan bertambah sebanyak 22.9% (USD577.4 juta) dalam 2021.
- Kebanyakan aset tersebut adalah pelaburan dalam ekuiti dan instrumen hutang.

BURSA PERTUKARAN KEWANGAN


Pertukaran kewangan Labuan terdiri daripada platform untuk penyenaraian dan perdagangan instrumen, yang termasuk ekuiti, instrumen hutang dan dana. Instrumen yang dibenarkan untuk disenaraikan dan didagangkan boleh berbentuk instrumen kewangan konvensional atau sekuriti digital, dan termasuk instrumen yang mematuhi prinsip syariah. Sejak kebelakangan ini, terdapat peningkatan minat dalam pertukaran digital memandangkan lebih banyak syarikat DFS ditubuhkan untuk aktiviti mendapatkan dana dalam rantau ini.

BILANGAN PENYENARAIAN DAN PEMODALAN PASARAN
(dalam Bilion USD)



*Dinyatakan semula

BILANGAN INSTRUMEN ISLAM DAN PEMODALAN PASARAN
(dalam Bilion USD)





- Pada 2021, enam penyenaraian baharu bernilai USD5.2 bilion (2020: USD6 juta) telah dikumpul melalui Pertukaran Kewangan Antarabangsa Labuan, dengan julat kematangan 5-40 tahun.
- Jumlah pemodalan pasaran meningkat sebanyak 11% menjadi USD26.3 bilion. Daripada jumlah ini, 19.8% atau USD5.2 bilion adalah untuk pengeluaran sukuk.



Sebagai sebuah pusat perniagaan antarabangsa dan sebahagian daripada sektor kewangan Malaysia, Labuan IBFC komited untuk memastikan bahawa Pusat ini mengekalkan reputasinya sebagai pasaran yang diselua dengan baik dan teratur yang menguatkuasakan sepenuhnya pematuhan pencegahan pengubahan wang haram/pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT).

Dengan menerima guna pendekatan berasaskan risiko Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force atau FATF), Labuan IBFC memberi penekanan kepada keperluan untuk ancaman pengubahan wang haram (ML) dan pembiayaan keganasan (TF) untuk dipantau secara berhati-hati dan ditangani sebagai sebahagian daripada aturan kawal selia AML/CFT yang berkesan. Dalam hal ini, dua penilaian risiko AML/CFT dilakukan pada Labuan IBFC untuk menentukan kerentanan Pusat ini.



Penilaian Risiko Sektor (Sectoral Risk Assessment atau SRA) 2020

Diselaraskan oleh Bank Negara Malaysia dan dapatan dikawal oleh Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan tentang Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee atau NCC) SRA pertama telah dijalankan pada 2017 dan disemak dalam kitaran setiap 3 tahun.

Labuan IBFC telah ditaksir sebagai segmen ekonomi utama mewakili sebahagian daripada perniagaan antarabangsa Malaysia.

Maklumat yang disemak termasuk institusi, penyeliaan dan perangkaan penguatkuasaan sektor perniagaan individu.

Penilaian sektor utama Labuan telah didasarkan pada parameter spesifik yang termasuk:

(a) *Ciri-ciri perniagaan:*

- Sifat
- Struktur
- Saluran

(b) *Ancaman ML/TF:*

- Keberangkalan berlakunya risiko

(c) *Pembendung Perniagaan:*

- Kawalan dalaman

(d) *Langkah-langkah Pengawalseliaan:*

- Peraturan kemasukan
- Pemantauan penyeliaan

PENILAIAN RISIKO AML/CFT LABUAN IBFC: MENGURUS & MENANGANI KETAKTENTUAN YANG TIMBUL



Penilaian Risiko Labuan IBFC (Labuan IBFC Risk Assessment atau LRA) 2020

Penilaian risiko yang teguh yang tertumpu secara khusus kepada Labuan IBFC dan melengkapkan SRA 2020 dengan metodologi penilaian dibezakan kepada SRA.

Perunding pakar AML/CFT dilantik untuk menyuntik elemen analitik data dan kegentingan profesional ke dalam proses tersebut.

Tujuannya adalah untuk memastikan kerentanan Pusat tersebut kepada ancaman ML/TF yang meliputi semua institusi pelaporan Labuan.

Menggunakan pendekatan analitik data empirik ke atas parameter yang berikut:

(a) *Parameter dalaman:*

- Berkaitan dengan intensiti penyeliaan Labuan FSA
- Aktiviti Penguatkuasaan
- Sifat Perniagaan
- Aspek Pengawal Selia


(b) *Parameter luaran: Terdiri daripada aktiviti pihak ketiga ke atas entiti/perniagaan Labuan*

- Statistik Pihak Berkuasa Penguatkuasaan
- Laporan Transaksi Mencurigakan

PENILAIAN RISIKO AML/CFT LABUAN IBFC: MENGURUS & MENANGANI KETAKTENTUAN YANG TIMBUL

Dapatan Penilaian Risiko AML/CFT ke atas Labuan IBFC

SRA dan LRA menetapkan Labuan IBFC sebagai **bidang kuasa “Berisiko Rendah”** dalam bentuk ancaman ML/TF.



Saranan Utama Penilaian Risiko AML/CFT







04

PEMBANGUNAN **DASAR**

- Pembangunan Dasar Prudential
- Pembangunan Dasar Perniagaan Dan Cukai
- Mesyuarat Badan Perundingan
- Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT)

PEMBANGUNAN DASAR

PEMBANGUNAN DASAR PRUDENTIAL

Inisiatif kawal selia utama untuk 2021 terus tertumpu pada memperketatkan keperluan teknikal keperluan kepada modal insurans di samping memperkukuh kesinambungan operasi dan daya tahan siber institusi kewangan Labuan (Labuan Financial Institutions atau LFIs). Hal ini penting memandangkan norma pasaran baharu yang entiti ini beroperasi berikutan pandemik ini.

I. Ujian pasaran peraturan modal berasaskan risiko insurans yang dicadangkan

Menerusi Kajian Impak Kuantitatif (Quantitative Impact Study atau QIS) yang dijalankan dalam tahun tersebut, Lembaga telah bekerjasama dengan industri dalam menilai dan memuktamadkan keperluan Rangka Kerja Kepadaan Modal Insurans (Insurance Capital Adequacy atau ICAF) untuk pengeluar insurans Labuan. Antara lain, latihan ini bermatlamat menjajarkan keperluan ICAF terhadap piawaian dan amalan modal antarabangsa dalam bidang kuasa rakan untuk memastikan keperluan ini sesuai untuk keadaan pasaran insurans Labuan. Dalam memuktamadkan keperluan ICAF, pengubahsuaian utama yang berikut telah disarankan:

- (i) Penyesuaian kepada formula perkiraan untuk risiko tumpuan bagi memastikan ia menyediakan perkiraan yang munasabah dan bermakna;
- (ii) Penerimaan nilai ambang tertumpu yang lebih pragmatik untuk mengelakkan impak buruk kepada kedudukan modal pengeluar insurans bersaiz kecil; dan
- (iii) Memperhalusi pengiktirafan pendedahan risiko aset cair apabila menilai risiko tumpuan aset.

II. Mengukuhkan tadbir urus pasaran dan amalan pengurusan risiko

Sebagai respons kepada peralihan pasaran ke arah beroperasi di bawah norma baharu, Labuan FSA mula mengukuhkan daya tahan operasi dan pengurangan risiko siber dalam industri. Bidang fokus utama termasuk mempromosi tadbir urus terbaik dan amalan pengurusan risiko melalui pengeluaran:

- **Prinsip Panduan mengenai Pengurusan Kesinambungan Perniagaan**

Labuan FSA mengeluarkan *Prinsip Panduan untuk Pengurusan Kesinambungan Perniagaan* pada 23 Februari 2021 yang menyatakan harapan pengawalseliaan untuk perancangan penyambungan perniagaan. Menyedari bahawa perniagaan berdepan dengan ancaman yang semakin meningkat dalam gangguan operasi dan fizikal yang telah diburukkan lagi oleh pandemik. Garis panduan ini disasarkan untuk memastikan LFIs akan berupaya melayani klien mereka tanpa gangguan.

- **Rangka Kerja Tadbir Urus Digital**

Garis panduan mengenai Rangka Kerja Tadbir Urus Digital dikeluarkan pada 13 September 2021 bagi mengukuhkan lagi daya tahan siber institusi kewangan sebagai sebahagian daripada dasar dan amalan pengurusan risiko keseluruhan. Garis panduan ini memerlukan LFIs untuk mengamalkan pendekatan yang sistematik dan konsisten dalam mengekalkan kerahsiaan data, keselamatan dan daya tahan sistem yang setimpal dengan sifat dan kekompleksan operasi mereka.

PEMBANGUNAN DASAR PERNIAGAAN DAN CUKAI

Langkah Kawal Selia Sementara Tambahan untuk Entiti Labuan

Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Labuan FSA untuk menyokong pemain industri dalam mengatasi cabaran ekonomi semasa pandemik COVID-19, Labuan FSA mengeluarkan satu pekeliling untuk memberi pelepasan kawal selia sementara (temporary regulatory reliefs atau TRRs) untuk entiti-entiti Labuan bagi memudahkan operasi perniagaan yang berkuat kuasa mulai 5 Ogos sehingga 31 Disember 2022.

TRRs yang dibenarkan termasuk yang berikut:

- (a) Pengurangan kadar pusing ganti tahunan minimum untuk Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan di bawah Garis panduan Penubuhan Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan di bawah insentif Global untuk Program Perdagangan.
- (b) Pengurangan keperluan modal minimum dan deposit sekuriti tanggungan tanpa faedah untuk bank digital Labuan di bawah Rangka Kerja Perbankan Digital Labuan.
- (c) Pengurangan keperluan pendapatan minimum untuk permohonan pembaharuan ekspatriat di bawah Garis panduan Permohonan Permit Kerja di Labuan IBFC untuk entiti berlesen dan tidak berlesen.
- (d) Penepian keperluan kelulusan untuk penubuhan sel di bawah Syarikat Sel Terlindung yang menjalankan perniagaan insurans kaptif Labuan (kaptif PCC) di bawah Garis panduan Penubuhan Syarikat Sel Terlindung Labuan. Kaptif PCC hanya perlu memaklumkan Labuan FSA dalam tempoh 14 hari selepas penubuhan sel (sel-sel)nya.



PEMBANGUNAN DASAR

Pematuhan Cukai dan Pertukaran Maklumat

Pembangunan Cukai

Pada 2021, pihak berkuasa meneruskan pelibatan dengan pihak berkepentingan yang berkenaan khususnya Kementerian Kewangan, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan pemain industri Labuan untuk berbincang dan berunding tentang pembangunan dasar yang berkaitan dengan rangka kerja cukai Labuan termasuk kehendak asas untuk memastikan Labuan IBFC terus menyokong keperluan perniagaan global dan pelabur antarabangsa sambil mematuhi piawaian cukai antarabangsa. Antara pencapaian utama daripada usaha dan komitmen berterusan Labuan FSA untuk pembangunan cukai positif di tengah-tengah pewartaan yang berjaya empat arahan/peraturan industri Labuan IBFC oleh Kementerian Kewangan ialah:

- (a) Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Keperluan bagi Aktiviti Perniagaan Labuan) 2021 [P.U.(A) 423/2021] yang menyediakan kepastian cukai kepada entiti Labuan tanpa lesen yang menjalankan “aktiviti perdagangan lain” dengan memasukkan semua aktiviti ke dalam jadual dan berupaya untuk menikmati insentif LBATA. Ini adalah perkembangan yang sangat dialu-alukan memandangkan ia mewujudkan kejelasan dan memberi kelonggaran kepada hampir 2,000 entiti Labuan dan pembangunan ini akan bergerak dengan baik demi pembangunan masa hadapan pusat ini.
- (b) Peraturan-Peraturan Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Keperluan bagi Syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan) 2021 [P.U.(A) 482/2021] yang menyediakan kejelasan cukai bagi syarat asas untuk syarikat Labuan yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat Labuan 1990 dan dilesenkan sebagai syarikat Perdagangan Komoditi Antarabangsa Labuan (Labuan International Commodity Trading atau LITC).
- (c) Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Bil.11) Arahan [P.U.(A) 425/2021] yang memberi pengecualian untuk pemastautin Malaysia daripada peraturan bukan deduktibel bagi pembayaran yang dibuat kepada LITC. Ini bertujuan menyediakan kejelasan mengenai transaksi antara pemastautin Malaysia dengan LITC dan untuk memastikan kebersaingan syarikat LITC di pusat tersebut berkenaan bidang kuasa lain yang menawarkan penyelesaian yang lebih kurang sama dalam perdagangan komoditi.
- (d) Cukai Pendapatan (Pengecualian) (Bil.7) 2011 (Pindaan) Arahan 2021 [P.U.(A) 6/2021] yang menyediakan lanjutan pengecualian untuk mana-mana individu yang bukan rakyat Malaysia daripada pembayaran cukai pendapatan berhubung bayaran yang diterima dalam kapasitinya sebagai pengarah entiti Labuan.

Kerjasama mengenai perkongsian maklumat

Labuan FSA terus memainkan peranan aktif dalam perkongsian maklumat dalam semangat kerjasama dengan pengawal selia lain dengan menyediakan pengumpulan perisikan dan perkongsian maklumat yang tepat, tepat masa dan komprehensif.

Dengan landskap aktiviti perniagaan antarabangsa yang semakin mengembang dan sedang berubah di seluruh dunia dengan kemunculan penggunaan canggih teknologi, maka keperluan untuk persefahaman dan bantuan bersama dalam kalangan agensi tidak dapat dielakkan. Dipandu oleh prinsip komprehensif yang tertumpu kepada kerjasama dan usaha sama yang berkesan, Labuan FSA memanjangkan bantuan bersama kepada pengawal selia lain di peringkat domestik dan antarabangsa.

Dalam tahun tersebut, 43 permintaan untuk perkongsian maklumat daripada pengawal selia lain telah dipenuhi melalui pelbagai pengatur undang-undang dan medium kerjasama seperti Bantuan Undang-Undang Bersama mengenai Hal Jenayah (MACMA); Pertubuhan Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO); Rangkaian Penguatkuasaan Jenayah Kewangan melalui Bank Negara Malaysia, dan pelbagai MOU dua hala. Selain saluran ini, Labuan FSA juga menyediakan bantuan tanpa diminta kepada pihak berkuasa lain dengan menyediakan maklumat perisikan yang mungkin relevan kepada pihak berkuasa berkenaan di bawah kuasanya sebagai pihak berkuasa mentadbir Labuan IBFC dan entitinya.

Pembangunan Kewangan Islam

Labuan FSA terus komited untuk mempromosi pertumbuhan kewangan Islam sebagai sebahagian daripada usaha yang sedang berjalan untuk meletakkan Labuan IBFC sebagai hab perniagaan yang diutamakan dan kondusif untuk kewangan Islam dalam pasaran global.

Membangunkan Ekosistem Kewangan Islam

Tahun tersebut menyaksikan Labuan FSA menggariskan pelan kemajuan masa hadapan untuk mentransformasi Labuan IBFC menjadi pusat kewangan antarabangsa yang dinamik dan mampan. Antara strategi pembangunan tersebut ialah seruan untuk pertumbuhan pasaran nic berprospektif dengan tumpuan kepada penawaran inovasi digital dan penyelesaian mematuhi prinsip syariah. Ini melibatkan pembangunan ekosistem yang mampan untuk kewangan Islam di Labuan IBFC yang melibatkan komponen untuk tadbir urus, pemain, produk, dan infrastruktur. Ekosistem kewangan Islam akan diterapkan dengan spektrum digital dalam keseluruhan penawaran kewangan Islam.

PEMBANGUNAN DASAR

Memupuk Usaha Sama dengan Pihak Berkepentingan Strategik

Tahun tersebut juga menyaksikan usaha sama strategik antara Labuan FSA, Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa (International Islamic Financial Market atau IIFM) dan pigak berkepentingan lain ke arah pembangunan kewangan Islam secara global. Pada 2021, Labuan FSA menyumbang laporan fokus negara (Malaysia) kepada edisi ke-10 penerbitan tahunan IIFM, Laporan Sukuk IIFM 2020, di mana laporan tersebut menyediakan analisis mendalam mengenai pembangunan sukuk global. Labuan FSA secara aktif juga menyertai acara IIFM di sepanjang tahun. Ketua Pengarah Labuan FSA, selaku naib pengerusi IIFM, telah menyampaikan ucapan dasar untuk webinar IIFM mengenai penerbitan Laporan Sukuk Ke-10 2020 di samping kata-kata aluan untuk seminar maya IIFM-IILM mengenai Reformasi Kadar Penanda Aras Global - Cabaran dan Penyelesaian untuk Industri Kewangan Islam. Sebagai tambahan, kakitangan Labuan FSA telah menghadiri Kelas Pakar Pengurusan Kecairan yang dianjurkan secara bersama dengan Dar Al Sharia dan IIFM. Objektif kelas pakar tersebut bertujuan membangunkan persefahaman asas struktur Syariah untuk instrumen pengurusan kecairan, mengenal pasti keperluan dokumentasi dan pelaksanaan proses instrumen pengurusan kecairan dan penempatan perbendaharaan Islam di samping Piawaian IIFM mengenai penempatan antara bank untuk diamalkan.

MESYUARAT BADAN PERUNDINGAN

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Kestabilan Kewangan telah mengadakan tiga mesyuarat pada 2021 untuk membincangkan hal berkaitan kestabilan kewangan Labuan IBFC. Mesyuarat tersebut telah berbincang mengenai peraturan prudential dan AML/CFT, isu penyeliaan di samping hal lain yang berkaitan dengan Labuan IBFC seperti berikut:

- Pelan polisi prudential untuk tahun 2021 tertumpu kepada usaha mempertingkatkan peraturan perniagaan berasaskan digital, memodenkan peraturan modal dan kewangan untuk sektor perbankan dan insurans di samping mengukuhkan kerjasama rentas sempadan dengan badan pengawalseliaan rakan yang disasarkan;
- Penilaian penyeliaan mengenai penarafan risiko komposit institusi kewangan utama di Labuan IBFC bagi tahun 2021, yang mengambil kira kedudukan modal, kecairan, tadbir urus di samping isu pematuhan;
- Pembangunan pasaran Labuan IBFC pada 2020;
- Pembangunan peraturan prudential dan AML/CFT yang merangkumi Rangka Kerja Tadbir Urus Digital dan Garis panduan Pemilik Benefisial untuk Orang Perundangan dan Aturan Undang-Undang Labuan;

- Penilaian antarabangsa utama di Labuan IBFC seperti maklumat terkini mengenai Penilaian Risiko Negara 2020 dan Penilaian Risiko Labuan 2020;
- Pengawasan kewangan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) mengenai hutang dan pinjaman luar negeri Malaysia termasuk pendedahan keseluruhan bank Labuan; dan
- Perkongsian peraturan oleh BNM mengenai pembangunan dalam sektor insurans dan perbankan dalam negeri.

PENCEGAHAN PENGUBAHAN WANG HARAM DAN PENCEGAHAN PEMBIAYAAN KEGANASAN (AML/CFT)

Labuan FSA meneruskan pelaksanaan pengukuhan dasar pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (AML/CFT) dan memantau inisiatif untuk menangani risiko pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (ML/TF). Ini dijalankan menerusi penguatkuasaan saranan daripada pelaksanaan pentaksiran bersama Malaysia (termasuk Labuan) pada 2014 oleh Kumpulan Asia/Pasifik mengenai Pengubahan Wang Haram (Asia/Pacific Group atau APG). Perubahan dasar juga berlaku tepat pada masanya memandangkan ini menjadi persediaan peraturan untuk pelaksanaan pentaksiran bersama yang mendatang pada 2024/2025.

I. Penilaian Risiko AML/CFT berkaitan Labuan IBFC

Pada 2021, Labuan FSA menyempurnakan dua penilaian risiko AML/CFT sebagai sebahagian daripada metodologi Penilaian Risiko Negara berkaitan dengan Labuan IBFC:

- Penilaian Risiko Sektor (Sectoral Risk Assessment atau SRA); dan
- Penilaian Risiko Labuan IBFC (Labuan IBFC Risk Assessment atau LRA), iaitu semakan risiko terkhusus Pusat ini.

Penilaian Risiko Sektor

Penarafan risiko bersih sektor Labuan utama menunjukkan penambahbaikan daripada penilaian yang terdahulu khususnya dalam segmen perniagaan kewangan seperti syarikat amanah dan perniagaan pembrokeran wang. Penarafan bertambah baik secara amnya disebabkan kawalan dalam yang dipertingkatkan yang digunakan oleh institusi pelaporan dan aktiviti penyeliaan dan penguatkuasaan yang dipertingkatkan. Secara keseluruhan, sektor insurans dan perbankan Labuan mencatatkan penarafan “berisiko rendah”, manakala sektor syarikat amanah menunjukkan kerentanan yang lebih tinggi secara relatif untuk risiko ML.



PEMBANGUNAN DASAR

Penilaian Risiko Labuan

Dari perspektif kerentanan ML/TF sektoral, keputusan menunjukkan bahawa tahap ketakpatuhan ML/TF secara relatifnya kurang penting. Dua dapatan utama penilaian ini adalah seperti berikut:

- Sektor syarikat amanah Labuan didapati menjadi lebih rentan seperti yang ditunjukkan daripada bilangan tinggi secara relatif notis tunjuk sebab yang dikeluarkan oleh Lembaga; dan
- Perniagaan perbankan khususnya sektor perbankan pelaburan, menunjukkan ancaman risiko yang agak lebih tinggi yang disahkan oleh bilangan ketakpatuhan AML yang diperhatikan dalam sektor tersebut.

Secara keseluruhan, kedua-dua penilaian risiko telah mengklasifikasikan Labuan IBFC sebagai “berisiko rendah” dalam bentuk ancaman ML/TF. Berdasarkan trend pula, pasaran Labuan menunjukkan pengurangan trend risiko seperti yang dijelaskan daripada perangkaan penguatkuasaan dalam tahun-tahun kebelakangan. Walau apa pun tentang penilaian yang disenangi ini, Labuan FSA akan terus mempertingkatkan promosi kesedaran AML/CFT dalam kalangan institusi pelaporan melalui libat urus bersasar. Fokus akan akan ditujukan kepada sektor yang mempunyai kawalan lebih lemah atau berdepan dengan risiko memunculkan sebagai contoh, perniagaan kewangan digital. Penekanan akan dibuat tentang harapan pengawalseliaan khususnya mengenai program pematuhan yang berkesan dan mantap yang termasuk pemprofilan risiko pelanggan, pemantauan transaksi berterusan termasuk pelaporan transaksi mencurigakan.

II. Pengeluaran garis panduan mengenai Pemilikan Benefisial untuk Orang Perundangan dan Aturan Undang-Undang Labuan

Labuan FSA mengeluarkan garis panduan baharu yang memerlukan semua entiti Labuan mempunyai maklumat pemilikan benefisial utama yang kemudiannya disediakan kepada Lembaga dengan cara tepat masa. Ini selaras dengan Saranan 24 dan 25 Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force atau FATF) untuk mempertingkatkan ketelusan pemilikan benefisial orang perundangan dan aturan undang-undang.

Garis panduan ini menjelaskan kewajipan untuk entiti Labuan mendapat, menentusah dan memiliki maklumat pemilikan benefisial terkini. Ia menyediakan juga garis panduan dan gambaran tentang cara kehendak pemilikan benefisial digunakan bagi bentuk dan sifat yang berbeza entiti Labuan yang berlainan.

III. Mengukuhkan Pematuhan AML/CFT Pasaran

Labuan FSA terus menyediakan bimbingan dan mempromosi kesedaran kepada pasaran dalam tahun tersebut berkenaan asas AML/CFT dan bidang topik berdasarkan maklum balas pasaran. Walaupun sekatan pergerakan disebabkan pandemik COVID-19, Lembaga telah menggunakan platform maya untuk sesi latihan pada 2021. Sehubungan ini, sesi industri dianjurkan dalam tahun tersebut mengenai bidang fokus yang berikut:

- Penilaian Risiko AML/CFT;
- Langkah Pencegahan Pembiayaan Percambahan; dan
- Pemilikan Benefisial untuk Orang Perundangan dan Aturan Undang-Undang Labuan.

Selain sumber dalaman Labuan FSA, sesi ini juga disediakan oleh kumpulan profesional luaran, antara lain, daripada Bank Negara Malaysia dan kalangan Akademia yang merupakan pakar bidang dalam metodologi penilaian risiko. Secara keseluruhannya, sesi latihan di atas sangat diterima oleh pasaran dan dengan penyertaan daripada lebih 500 entiti Labuan.

IV. Latihan Berkaitan Pengawal Selia AML/CFT

Labuan FSA juga menyertai program latihan AML/CFT yang dianjurkan oleh pertubuhan antarabangsa seperti FATF, Pusat Egmont Kecemerlangan dan Kepimpinan FIU (Egmont Centre of FIU Excellence and Leadership atau ECOFEL). Sebagai pengawal selia AML/CFT, penting untuk penyelia sentiasa peka tentang trend dan cabaran peraturan semasa. Pada 2021, program latihan AML/CFT yang disertai oleh Labuan FSA termasuk:

- Webinar ECOFEL mengenai *Kerjasama dan Perkongsian Maklumat antara Unit Risikan Kewangan, Pihak Berkuasa Undang-Undang dan Pendakwaraya*; dan
- Webinar FATF mengenai:
 - *Penyeliaan Berasaskan Risiko Kerjaya dan Perniagaan Bukan Kewangan yang Ditentukan.*
 - *Pelaksanaan Piawaian FATF untuk Aset Maya/Penyedia Perkhidmatan Aset Maya.*





05

AKTIVITI **PENYELIAAN**

- Penyeliaan dan Penguatkuasaan
- Penyiasatan
- Tindakan Penguatkuasaan

AKTIVITI PENYELIAAN

PENYELIAAN DAN PENGUATKUASAAN

PENYELIAAN

Tema penyeliaan bagi tahun 2021 ialah pengawasan berterusan terhadap institusi kewangan Labuan (LFIs) dengan pemantauan yang dipertingkatkan ke atas institusi yang dikenal pasti berisiko lebih tinggi. Pendekatan ini dilaksanakan untuk memastikan bahawa LFIs selamat dan kukuh dengan kaedah pengendalian pasaran yang betul dan mematuhi keperluan kawal selia, termasuk Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT).

Rangka Kerja Penyeliaan Berasaskan Risiko (*Risk Based Supervisory Framework* atau RBSF) terus diaplikasikan, di mana sumber diutamakan ke arah LFIs dan sektor berisiko tinggi, yang telah dikenal pasti melalui penilaian penyeliaan individu serta Penilaian Risiko Kebangsaan (*National Risk Assessment*) ke atas AML/CFT. LFIs dan sektor yang telah dikenal pasti akan dipantau dengan teliti sepanjang tahun, dengan kemas kini tetap mengenai status mereka.

Memandangkan pandemik COVID-19 dan sekatan pergerakan terus dilaksanakan pada tahun 2021, strategi penyeliaan, keutamaan dan pendekatan telah diselaraskan sewajarnya agar pragmatik dalam menyelia LFIs. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- Pengawasan luar lokasi (*Offsite surveillance*) telah dipertingkatkan, memberi tumpuan kepada semakan laporan statistik yang dikemukakan kepada Labuan FSA dan penglibatan dengan lembaga pengarah dan pengurusan kanan LFIs yang dikenal pasti melalui saluran digital;
- Fleksibiliti yang diberikan melalui pelepasan peraturan sementara kepada LFIs mengenai penyerahan laporan kepada Labuan FSA;
- Penilaian ke atas kawasan yang terjejas teruk akibat pandemik, termasuk daya tahan operasi, risiko kredit dan kecairan, sambil mengekalkan komunikasi rapat dengan pemain;
- Menjalankan ujian tekanan ke atas bank dan syarikat insurans (semula) untuk menilai daya tahan kewangan berdasarkan kesan makroekonomi di bawah dua senario buruk ke atas pendapatan dan modal entiti individu;
- Mengeluarkan hasil tinjauan dan kaji selidik bagi Entiti Tidak Berlesen (*Non Licensed Entities* atau NLEs) untuk mengemas kini profil mereka dan menilai kelemahan; dan
- Meningkatkan kerjasama melalui perkongsian maklumat dan kolej penyeliaan dengan penyelia negara hos.

Aktiviti dan Hasil Penyeliaan

Pada tahun ini, semakan desktop luar lokasi telah ditambah dengan penglibatan 136 aktiviti penyeliaan dijalankan ke atas ahli lembaga LFIs dan pengurusan kanan untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai status operasi dan keadaan kewangan LFIs serta membincangkan sebarang isu yang berkaitan. Di samping itu, 49 sesi lawatan penyeliaan telah dilaksanakan ke atas sektor insurans dan berkaitan insurans, diikuti oleh bank (37), broker wang (21) dan sektor lain (34).

Surat-surat pengawasan (*Supervisory Letters*) juga turut dikeluarkan kepada LFIs yang berkenaan, berdasarkan penemuan dan pemerhatian daripada aktiviti penyeliaan, terutamanya berkaitan dengan penyimpanan rekod, piawaian berhemat, penyumberan luar dan proses ketekunan wajar pelanggan. Sebarang ketidakpatuhan telah dimajukan kepada unit pendakwaan untuk tindakan penguatkuasaan, termasuklah pengenaan penalti pentadbiran, penggantungan atau pembatalan lesen. Selain itu, nama-nama institusi kewangan dan jenis-jenis tindakan penguatkuasaan di bawah kategori ini juga akan dipaparkan di laman sesawang Labuan FSA di bawah Senarai Amaran Pelabur (*Investor Alert List*).

Pada tahun ini, Penarafan Risiko Komposit (*Composite Risk Rating*) untuk bank dan syarikat insurans (semula) dan pemprofilan risiko pengantara telah dikemas kini sepanjang tahun. Berdasarkan penarafan terkini yang telah mengambil kira keputusan ujian tekanan, majoriti bank dan syarikat (insurans semula) telah diberi penarafan "Sederhana" dan "lebih baik", mencerminkan institusi yang kukuh dan diurus dengan baik. Institusi berisiko tinggi, dinilai sebagai "Melebihi Purata" dan "Tinggi" adalah pada tahap rendah di mana ia hanya mewakili 8% daripada jumlah institusi kewangan dan tidak menimbulkan sebarang risiko sistemik kepada sistem kewangan di Labuan IBFC.

Menyedari akan kesan pandemik ke atas LFIs, pelepasan sementara am bagi penyerahan laporan kawal selia telah diberikan kepada LFIs yang layak. Fleksibiliti ini telah diberikan berdasarkan penilaian LFIs yang menghadapi masalah kewangan sementara semasa pandemik.

Pengawasan Risiko dan Penglibatan Pihak Berkepentingan

Bagi NLEs, aktiviti utama penyeliaan telah dijalankan adalah melalui semakan luar lokasi yang dilaksanakan berdasarkan berdasarkan laporan tinjauan kawal selia yang diserahkan kepada Labuan FSA, manakala aktiviti penyeliaan dan pemeriksaan di tapak lokasi telah dijalankan di pejabat syarikat amanah masing-masing.

Pada tahun ini, tinjauan telah dilaksanakan ke atas yayasan amal dan amanah berdaftar untuk mengemas kini profil risiko mereka. Penglibatan penyeliaan juga turut dijalankan ke atas yayasan kebajikan, amanah berdaftar, syarikat pemajakan dan syarikat LITC yang telah dikenal pasti berdasarkan pemprofilan risiko mereka yang mempunyai jurang yang ketara dalam operasi atau tadbir urus.

Inisiatif ini juga dilengkapkan dengan pemeriksaan di tapak lokasi yang dijalankan ke atas syarikat amanah Labuan pada tahun yang ditinjau, merangkumi semakan fail ke atas NLEs terpilih serta penyemakan operasi dan pematuan ke atas syarikat amanah Labuan. Surat penyeliaan juga turut dikeluarkan berdasarkan aktiviti penyeliaan, mencerminkan perkara yang telah dibincangkan dan aspek kebimbangan yang memerlukan tindakan pembetulan.

Di samping menyampaikan isu-isu berkaitan kawal selia kepada entiti yang telah dikenal pasti, isu-isu lain turut diketengahkan semasa mesyuarat berkala dengan empat persatuan industri Labuan. Saluran ini berfungsi sebagai platform untuk menyampaikan jangkaan penyeliaan dan hasil pemerhatian daripada aktiviti penyeliaan serta membincangkan isu pelaksanaan yang dihadapi oleh penggiat industri.



AKTIVITI PENYELIAAN

Sepanjang tahun ini, semakin merentas sektor telah dijalankan ke atas semua LFI yang tidak beroperasi dan tidak aktif, yang mungkin mempunyai risiko ML/FT yang lebih tinggi kerana entiti tersebut mungkin terlibat dalam tindakan yang tidak diingini yang tidak diketahui oleh Labuan FSA. Berdasarkan penilaian penyeliaan, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap beberapa LFIs yang tidak aktif dan bermasalah ini, termasuk sekatan perniagaan dan pembatalan lesen. Bagi memastikan pematuhan terhadap keperluan kawal selia dan pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT yang berkesan, fungsi pematuhan juga diperkukuh bagi memastikan pegawai pematuhan yang ditetapkan (*Designated Compliance Officer [DCO]*) dilantik secara dalaman dan bukan melalui penyumbangan luar. Ini merupakan aspek penting dalam konsep tadbir urus korporat untuk memastikan keberkesanan dalam aspek pematuhan peraturan dan pelaksanaan langkah-langkah AML/CFT.

Keupayaan Penyeliaan dan Kerjasama Hos Penyelia

Memandangkan perniagaan kewangan digital terus mendapat perhatian meluas di Labuan IBFC, perkembangan pengetahuan dan keupayaan penyelia pada tahun ini ditumpukan kepada bidang FinTech, risiko siber, penyeliaan dan AML/CFT yang kebanyakannya dicapai melalui latihan dan pensijilan dalam talian, yang dianjurkan oleh penganjur tempatan dan antarabangsa termasuk Bank Penyelesaian Antarabangsa (*Bank for International Settlements*), Pertubuhan Suruhanjaya Sekuriti Antarabangsa, Kumpulan Penyelia Pusat Insurans Antarabangsa (*International Organisation of Securities Commissions*), Kumpulan Penyelia Pusat Kewangan Antarabangsa (*Group of International Finance Centre Supervisors*) dan Kumpulan Asia Pasifik mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram (*Asia Pacific Group on Anti Money Laundering*).

Sebagai hab kewangan global dan negara tuan rumah untuk syarikat multinasional, hubungan dengan hos penyelia adalah sangat penting. Inisiatif antara negara tuan rumah dan hos penyelia yang telah dimulakan pada tahun-tahun sebelumnya, turut diperkukuhkan lagi pada tahun tersebut. Hasil penilaian penyeliaan yang dijalankan ke atas entiti yang berasal dari United Kingdom, Amerika Syarikat, Singapura, Jepun, China dan Taiwan telah dikongsi dengan hos penyelia negara tersebut. Di samping itu, Labuan FSA telah mengambil bahagian dalam tiga kolej penyeliaan yang diadakan secara maya oleh hos penyelia, iaitu Bank Pusat Emiriah Arab Bersatu (*Central Bank of United Arab Emirates*), *Taiwan Financial Supervisory Commission* dan *United Kingdom Prudential Regulation Authority*. Platform ini amat bermanfaat dalam mendapatkan maklumat terkini, menegnal pasti risiko yang muncul, menilai pilihan alternatif untuk bertindak balas terhadap risiko yang telah dikenal pasti dan menyelaraskan tindakan serta komunikasi, untuk mengurangkan risiko.

Kesimpulan

Ketidaktentuan pasaran akibat pandemik COVID-19 telah memberikan kesan yang mendalam kepada operasi dan perniagaan LFI di Labuan IBFC. Tumpuan utama penyeliaan akan terus diberikan kepada institusi yang berisiko tinggi, di mana pendekatan penyeliaan yang berbeza diperlukan kerana berurusan dengan sektor yang berbeza. Pada masa hadapan, pendekatan penyeliaan moden yang memanfaatkan teknologi adalah penting untuk memastikan fungsi penyeliaan yang cekap dan berkesan, terutamanya dalam menangani peningkatan risiko yang ditimbulkan oleh operasi kewangan digital.

PENYIASATAN

Ketika seluruh dunia bersiap sedia menghadapi kesan akibat pandemik COVID-19 yang belum pernah berlaku sebelum ini, Labuan FSA komited untuk memastikan bahawa pusat kewangan ini tidak dieksploitasi oleh individu yang tidak bertanggungjawab untuk pengubahan wang haram atau operasi jenayah.

Sepanjang tahun 2021, banyak penyiasatan telah dijalankan yang timbul daripada pengawasan Labuan FSA, maklumat daripada warga awam serta rujukan yang dibuat oleh agensi penguatkuasaan undang-undang lain mengenai kelakuan mencurigakan oleh entiti Labuan, termasuk entiti yang meragukan yang menggunakan nama Labuan IBFC dalam menjalankan penipuan dan aktiviti haram.

Tindakan penguatkuasaan tegas telah dilaksanakan terhadap entiti Labuan, serta syarikat Labuan yang didapati melanggar undang-undang dan peraturan, termasuk laporan polis untuk siasatan lanjut oleh Polis Diraja Malaysia dan nama-nama institusi kewangan di bawah kategori ini juga akan dipaparkan di laman sesawang Labuan FSA untuk memberi kesedaran kepada orang ramai.

Kerjasama Dengan Agensi Penguatkuasaan Lain

Pada tahun 2021, Labuan FSA terus menunjukkan komitmennya yang tidak berbelah bahagi terhadap memerangi jenayah kewangan di Malaysia termasuk mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti penyelarasan antara agensi dan penguatkuasaan kerjasama dengan peraturan kewangan dan agensi penguatkuasaan undang-undang lain melalui platform yang ditubuhkan oleh Jawatankuasa Anti-Jenayah Kewangan Kebangsaan. Antara ahli-ahlinya ialah, Labuan FSA, Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Jabatan Peguam Negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Polis Diraja Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Untuk mengawal selia dan mengurangkan risiko ke atas Labuan IBFC, Labuan FSA kekal komited dan dalam mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap pelanggaran perundangan Labuan. Labuan FSA kekal fokus dan komited untuk menyelesaikan salah laku dan pelanggaran melalui aktiviti penguatkuasaan yang ketat walaupun penularan wabak COVID-19 masih belum reda pada tahun 2021.

Pelbagai langkah yang telah dilaksanakan pada tahun 2021 untuk menangani kesan pelanggaran peraturan di Labuan IBFC dan mengurangkan kesan COVID-19 ke atas penggiat industri dengan lanjutan tempoh pelepasan peraturan sementara sebagai salah satu langkah proaktif Labuan FSA untuk menyokong entiti Labuan yang terjejas oleh pandemik COVID-19.

Walaupun bagaimanapun, Labuan FSA telah melaksanakan pelbagai langkah penguatkuasaan yang berkesan, saksama dan adil terhadap sebarang pelanggaran undang-undang dan peraturan Labuan IBFC pada tahun 2021, termasuk 209 notis tunjuk sebab, 29 penalti tunai, 16 pembatalan lesen, dan 34 notis amaran terhadap entiti Labuan.



PENYATA **KEWANGAN**

- Penyata Ahli Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
- Pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
- Penyata Pendapatan Komprehensif
- Penyata Kedudukan Kewangan
- Penyata Perubahan Rizab
- Penyata Aliran Tunai
- Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah memberikan kuasa kepada firma audit swasta di bawah Subseksyen 7 (3) Akta Audit 1957 [Akta 62] untuk mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Rizab serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 58.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 (Akta 545).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawain Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 (Akta 545). Ahli Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan, Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedaikhannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu

atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urusan niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju,

pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Ahli Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Ahli Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan merjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 (Akta 545), saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 11 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan dan Kumpulan berdasarkan keperluan Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan 1996 (Akta 545) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(MOHD NASRI BIN MOHD NASIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



W.P. LABUAN

14 OKTOBER 2022



PENYATA AHLI LEMBAGA

PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN

Kami, **DATUK SITI ZAINAB OMAR** dan **NIK MOHAMED DIN NIK MUSA**, yang merupakan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah **LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan yang disertakan adalah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia dan Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa bagi menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan **LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN** pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangannya serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

DATUK SITI ZAINAB OMAR

Pengerusi

NIK MOHAMED DIN NIK MUSA

Ketua Pengarah

30 September 2022

PENGAKUAN

OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB

KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN

Saya, **WAN AHMAD SANUSI MAHMOOD** (681203-03-5307), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **LEMBAGA PERKHIDMATAN KEWANGAN LABUAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kedudukan kewangan, penyata pendapatan komprehensif, penyata aliran tunai dan penyata perubahan rizab mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.



WAN AHMAD SANUSI MAHMOOD

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas

WAN AHMAD SANUSI MAHMOOD

di LABUAN, MALAYSIA

pada

30 September 2022

Di hadapan saya,





PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	Kumpulan		Lembaga	
		2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
PENDAPATAN	4	65,753,685	64,581,817	62,838,416	61,819,192
Pendapatan operasi lain					
Pendapatan darl pelaburan	5	2,500,850	2,733,670	2,500,850	2,733,670
Pendapatan lain	7	256,120	121,610	–	11,888
Geran kerajaan	16	1,847,677	1,772,535	1,655,420	1,580,278
Perbelanjaan operasi lain					
Kos kewangan	6	(187,074)	(202,548)	(119,407)	(181,414)
Perbelanjaan lain	7	(12,348,850)	(12,799,835)	(17,083,309)	(18,048,973)
Kos kakitangan	8	(34,121,867)	(34,232,680)	(26,631,070)	(26,756,201)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	10	(5,489,451)	(5,991,244)	(4,973,536)	(5,389,545)
Lebihan sebelum cukai		18,211,090	15,983,325	18,187,364	15,768,895
Cukai pendapatan	9	(34,429)	(58,156)	–	–
LEBIHAN BERSIH TAHUNAN		18,176,661	15,925,169	18,187,364	15,768,895
Pendapatan komprehensif lain, lebihan bersih daripada cukai pendapatan		–	–	–	–
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF TAHUNAN		18,176,661	15,925,169	18,187,364	15,768,895
JUMLAH LEBIHAN KOMPREHENSIF DIAGIHKAN KEPADA PEMILIK LEMBAGA		18,176,661	15,925,169	18,187,364	15,768,895

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2021

		Kumpulan		Lembaga	
	Nota	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
ASET					
Aset bukan semasa					
Hartanah, loji dan peralatan	10	74,333,522	79,324,995	73,412,200	78,218,827
Pelaburan dalam anak syarikat	11	–	–	1,422,410	1,408,313
Aset cukai tertunda	12	12,283	6,770	–	–
Pelbagai penerimaan	13	444,290	520,626	444,290	520,626
		74,790,095	79,852,391	75,278,900	80,147,766
Aset semasa					
Yuran dan penerimaan	13	13,574,258	14,179,905	15,272,170	16,314,552
Inventori	14	276,970	357,768	–	–
Tunai dan baki bank	15	127,616,265	100,007,524	117,039,724	90,613,787
		141,467,493	114,545,197	132,311,894	106,928,339
JUMLAH ASET		216,257,588	194,397,588	207,590,794	187,076,105
RIZAB DAN LIABILITI					
Rizab					
Lebihan terkumpul		117,187,058	99,010,397	111,606,447	93,419,083
Liabiliti bukan semasa					
Pendapatan tertunda	16	67,438,341	69,125,871	67,438,341	69,125,871
Pelbagai pemiutang	17	154,676	156,687	154,676	156,687
Liabiliti pajakan	18	961,081	2,404,098	961,081	2,263,882
		68,554,098	71,686,656	68,554,098	71,546,440
Liabiliti semasa					
Pendapatan tertunda	16	2,373,946	2,534,094	2,181,689	2,149,579
Pelbagai pemiutang	17	26,667,022	19,394,631	23,913,312	17,387,003
Amaun belum dibayar kepada anak syarikat	17	–	–	–	990,000
Liabiliti pajakan	18	1,475,464	1,771,810	1,335,248	1,584,000
		30,516,432	23,700,535	27,430,249	22,110,582
JUMLAH LIABILITI		99,070,530	95,387,191	95,984,347	93,657,022
JUMLAH RIZAB DAN LIABILITI		216,257,588	194,397,588	207,590,794	187,076,105

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.



PENYATA PERUBAHAN RIZAB

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Lebihan terkumpul RM
KUMPULAN	
Baki pada 1 Januari 2020	83,085,228
Lebihan bersih tahunan	15,925,169
BAKI AKHIR PADA 31 DISEMBER 2020	99,010,397
Baki pada 1 Januari 2021	99,010,397
Lebihan bersih tahunan	18,176,661
BAKI AKHIR PADA 31 DISEMBER 2021	117,187,058
LEMBAGA	
Baki pada 1 Januari 2020	77,650,188
Lebihan bersih tahunan	15,768,895
BAKI AKHIR PADA 31 DISEMBER 2020	93,419,083
Baki pada 1 Januari 2021	93,419,083
Lebihan bersih tahunan	18,187,364
BAKI AKHIR PADA 31 DISEMBER 2021	111,606,447

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan		Lembaga	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
AKTIVITI OPERASI				
Lebihan bersih tahunan	18,176,661	15,925,169	18,187,364	15,768,895
Pelarasan untuk:				
Cukai pendapatan (Belanja)/kredit	(5,513)	8,533	–	–
(Rugi) daripada pertukaran asing yang belum terealisasi	(447,129)	(37,144)	(447,129)	(37,144)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	5,489,451	5,991,244	4,973,536	5,389,545
Hutang lapuk dihapus kira	22,822	–	–	–
Hutang lapuk terpulih	(11,733)	–	–	–
Penggunaan geran kerajaan	(1,847,678)	(1,772,535)	(1,655,420)	(1,580,278)
Untung atas pelupusan hartanah, loji dan peralatan	(8,079)	(1,245,555)	(1,020)	(1,240,555)
Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	2	794,739	–	794,739
Kos kewangan	126,082	202,548	119,407	181,414
Pendapatan faedah daripada pelaburan dan pinjaman kakitangan	(2,514,624)	(2,744,770)	(2,514,624)	(2,744,770)
Keuntungan nilai saksama bersih ke atas pelbagai penerimaan	(12,715)	(9,645)	(12,715)	(9,645)
Elaun bagi rosot nilai ke atas yuran dan perdagangan belum terima diiktirafkan	3,003,322	3,410,785	3,000,212	3,379,983
Elaun bagi rosot nilai ke atas yuran dan perdagangan belum terima berbalik	(3,188,498)	(4,015,767)	(3,157,696)	(4,004,850)
Amaun belum terima daripada anak syarikat dihapus kira	–	–	–	–
Yuran dan perdagangan belum terima dihapus kira	2,892,361	3,380,700	2,892,261	3,380,700
Lebihan Operasi Sebelum Perubahan Modal Kerja	21,674,732	19,888,302	21,384,176	19,278,034
Perubahan dalam modal kerja:				
(Peningkatan)/Penurunan:				
Yuran dan perdagangan belum terima	(2,067,308)	(1,212,088)	(2,113,419)	(1,181,003)
Pelbagai penerimaan	(28,344)	1,465,384	369,029	1,988,644
Inventori	80,798	4,344	–	–
Peningkatan/(Penurunan):				
Terimaan yuran terdahulu	1,614,171	2,553,298	1,614,171	2,553,298
Deposit kembalikan	2,367,491	917,486	2,309,843	900,000
Pelbagai pemiutang dan akruan	3,319,201	(2,810,209)	2,600,284	(2,182,075)
Amaun belum bayar kepada anak syarikat	–	–	(990,000)	990,000
Tunai Daripada Aktiviti Operasi	26,960,741	20,806,517	25,174,084	22,346,898
Cukai pendapatan dibayar	(99,453)	(35,446)	–	–
Faedah diterima	31,918	91,097	31,918	91,097
Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi	26,893,206	20,862,168	25,206,002	22,437,995



	Kumpulan		Lembaga	
	2021 RM	2020 RM	2021 RM	2020 RM
AKTIVITI PELABURAN				
Peningkatan bersih dalam deposit tetap bertempoh matang melebihi 3 bulan	(27,153,932)	(28,924,736)	(27,020,000)	(28,744,208)
Terimaan daripada pelupusan hartanah, loji dan peralatan	22,990	1,979,749	15,931	1,974,749
Pembelian pada hartanah, loji dan peralatan	(512,891)	(774,985)	(181,820)	(603,275)
Penambahan pelaburan kepada anak syarikat	–	–	(14,097)	(11,005)
Terimaan tunai daripada geran kerajaan	–	317,165	–	317,165
Faedah diterima	2,623,752	2,679,544	2,623,752	2,679,544
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan	(25,020,081)	(24,723,263)	(24,576,234)	(24,387,030)
AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Pembayaran liabiliti pajakan	(1,739,363)	(1,699,665)	(1,551,553)	(1,521,992)
Faedah dibayar	(126,082)	(202,548)	(119,407)	(181,414)
Pembayaran pinjaman kepada kerajaan	–	(2,000,000)	–	(2,000,000)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pembiayaan	(1,865,445)	(3,902,213)	(1,670,960)	(3,703,406)
Peningkatan/(Penurunan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai	7,680	(7,763,308)	(1,041,192)	(5,652,441)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	3,932,561	11,658,725	1,833,787	7,449,084
Kesan perbezaan penukaran matawang asing	447,129	37,144	447,129	37,144
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember (Nota 21)	4,387,370	3,932,561	1,239,724	1,833,787

Dasar-dasar perakaunan dan nota-nota penjelasan yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan telah ditubuhkan pada 15 Februari 1996. Pejabat berdaftar dan tempat utama operasi Lembaga adalah terletak di Aras 17, Menara Pejabat Utama, Ujana Kewangan, Jalan Merdeka, 87000 Wilayah Persekutuan Labuan, Malaysia.

Aktiviti utama Lembaga adalah untuk mempromosi dan membangunkan Labuan, Malaysia sebagai pusat perniagaan dan kewangan antarabangsa dan membangunkan matlamat kebangsaan, dasar-dasar dan memberi keutamaan bagi pembangunan serta pentadbiran perkhidmatan kewangan yang teratur di Labuan.

Aktiviti-aktiviti utama anak syarikat adalah dinyatakan dalam Nota 11.

Tiada sebarang perubahan ketara dalam kegiatan-kegiatan Lembaga dan anak syarikat sepanjang tahun kewangan.

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA

2.1 Asas Penyediaan

Penyata kewangan bagi Kumpulan dan Lembaga telah disediakan selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa (IFRS).

Penyata kewangan Kumpulan dan Lembaga juga telah disediakan menurut asas kos sejarah.

2.2 Perubahan dalam dasar-dasar perakaunan

Dasar-dasar perakaunan yang diterima pakai adalah konsisten dengan tahun kewangan sebelumnya kecuali seperti berikut:

Pada 1 Januari 2021, Kumpulan dan Lembaga menerima pakai piawaian baru dan pindaan kepada MFRS bagi tempoh kewangan tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021.

Butiran	Berkuatkuasa untuk tahun kewangan mulai atau selepas
Covid-19 – Konsesi Sewa Berkaitan (Pindaan kepada MFRS 16 Pajak)	1 Jun 2020
Pelanjutan pengecualian sementara daripada memohon MFRS 9 (Pindaan kepada MFRS 4 Kontrak Insuran)	17 Ogos 2020
Pembaharuan Tanda Aras Kadar Faedah (Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139, FRS 7)	1 Januari 2021



2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.3 Piawaian-piawaian yang diterbitkan, tetapi belum berkuatkuasa

Kumpulan dan Lembaga tidak menerima pakai piawaian dan tafsiran yang diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa dinyatakan di bawah:

Butiran	Berkuatkuasa untuk tahun kewangan mulai atau selepas
Kontrak Membebaskan - Kos Memenuhi Kontrak (Pindaan kepada MFRS 137 Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka)	1 Januari 2022
Harta tanah, Loji dan Peralatan - Hasil sebelum penggunaan yang dimaksudkan (Pindaan kepada MFRS 16 Harta tanah, Loji dan Peralatan)	1 Januari 2022
Penambahan Tahunan Bagi Piawaian MFRS Kitaran 2018 - 2020	1 Januari 2022
Rujukan Penerima Pakai Kerangka Konseptual (Pindaan kepada Kombinasi Perniagaan MFRS 3)	1 Januari 2022
Pengelasan Liabiliti sebagai Semasa atau Bukan Semasa (Pindaan kepada MFRS 101)	1 Januari 2023
MFRS 17 Kontrak Insuran (termasuk pindaan kepada MFRS 17 yang dikeluarkan pada Ogos 2020)	1 Januari 2023
Pendedahan Dasar Perakaunan (Pindaan MFRS 101)	1 Januari 2023
Definisi Anggaran Perakaunan (Pindaan kepada MFRS 108)	1 Januari 2023
Cukai Tertunda yang berkaitan dengan Aset dan Liabiliti yang timbul daripada Transaksi Tunggal (Pindaan kepada MFRS 112)	1 Januari 2023
Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128: Jualan dan Sumbangan Aset antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu dan Usaha Sama	Tertunda

Pihak pengurusan menjangkakan bahawa piawaian, pindaan kepada piawaian dan tafsiran yang dinyatakan di atas tidak akan memberi kesan material dalam tempoh penggunaan awal.

2.4 Asas penyatuan

Penyata kewangan yang disatukan terdiri daripada penyata kewangan Lembaga dan anak syarikatnya pada tarikh pelaporan. Penyata kewangan anak syarikat yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan disatukan disediakan bagi tarikh pelaporan yang sama seperti Lembaga. Dasar-dasar perakaunan yang konsisten digunakan untuk transaksi dan peristiwa dalam keadaan yang sama.

Lembaga mengawal sesebuah penerima pelaburan jika dan hanya jika Lembaga mempunyai semua yang berikut:

- Kuasa ke atas penerima pelaburan (iaitu hak sedia ada yang memberikan keupayaan semasa untuk mengarah aktiviti relevan terhadap penerima pelaburan);
- Pendedahan, atau hak ke atas pulangan berubah-ubah daripada pelaburan dengan penerima pelaburan; dan
- Keupayaan untuk menggunakan kuasa ke atas penerima pelaburan untuk mempengaruhi pulangan.

Apabila Lembaga mempunyai kurang daripada majoriti hak mengundi dalam penerima pelaburan, Lembaga akan mempertimbangkan perkara berikut dalam menilai sama ada hak mengundi Lembaga dalam penerima pelaburan adalah mencukupi untuk memberikan kuasa ke atas penerima pelaburan:

- Saiz pegangan hak mengundi Lembaga berkaitan dengan saiz dan penyebaran pemegang undi yang lain;
- Potensi hak mengundi yang dipegang oleh Lembaga, pemegang undi lain atau pihak-pihak lain;
- Hak yang timbul daripada lain-lain perjanjian kontrak; dan
- Mana-mana fakta tambahan dan keadaan yang menunjukkan bahawa Lembaga telah, atau tidak mempunyai, keupayaan semasa untuk mengarah aktiviti relevan pada masa keputusan perlu dibuat, termasuk corak undian di dalam mesyuarat pemegang saham sebelumnya.

NOTA-NOTA KEPADA **PENYATA KEWANGAN**

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

2. RUMUSAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN UTAMA (SAMBUNGAN)

2.4 Asas penyatuan (sambungan)

Anak syarikat adalah disatukan apabila Lembaga mendapat kawalan ke atas anak syarikat dan terhenti apabila Lembaga hilang kawalan terhadap anak syarikat. Semua baki antara kumpulan, pendapatan dan perbelanjaan dan keuntungan dan kerugian belum direalisasi yang terhasil daripada urusan niaga antara kumpulan adalah dihapuskan sepenuhnya.

Untung atau rugi dan setiap komponen pendapatan komprehensif lain akan diagihkan kepada Lembaga dan kepentingan tak mengawal. Jumlah pendapatan komprehensif daripada anak syarikat akan diagihkan kepada Lembaga dan kepentingan tak mengawal walaupun terdapatnya defisit di dalam kepentingan tak mengawal.

